

• • • • •  
• • • • •  
• • • • •  
• • • • •  
**LAPORAN** JKKN  
PRESTASI



**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

• • • • LAPORAN JKKN  
• • • • PRESTASI



JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

**Cetakan Pertama 2022**  
**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

Hak Cipta Terpelihara.  
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan secara bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Laporan Prestasi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
ISSN 2682-8995

**Terbitan:**  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Tingkat 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34  
Lot 1001, Menara TH Perdana  
Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

No. Telefon: +603-26148200  
No. Faksimili: +603-26970884  
Laman Sesawang: [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

**ISSN 2682-8995**


**SIDANG REDAKSI 2021**

**PENASIHAT**  
**YBrs. Tuan Haji Mesran Mohd Yusop**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara


**KETUA PENYELARAS**  
**YBrs. Encik Mohd Amran Mohd Haris**  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Kebudayaan dan Kesenian)  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

**Editor:**  
**Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan**

**Foto:**  
**Muhammad Asyraf Rezali**  
Jurufoto  
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan



## KONSEP MUKA HADAPAN



**Corak cebisan abstrak susun suai** melambangkan sifat antara kaum yang memerlukan semangat kerjasama sehingga dicantum menjadi satu. Tahun 2021 diteruskan dalam suasana negara masih dalam era pandemik yang menuntut pencinta dan penggiat seni menyerlahkan kreativiti menghadapi cabaran demi kelangsungan seni dan budaya negara. Pelaksanaan program secara hibrid yang dianjurkan JKKN dapat memberi sinar baharu dalam memastikan usaha penyemarakan, pengembangan, pemeliharaan dan pemuliharaan dilaksana secara berterusan.

**Wau merupakan permainan tradisi** yang mempunyai nilai seni yang tinggi dan diwarisi turun-temurun. Ibarat sebuah wau yang melayang, setinggi itu digambarkan semangat dan misi JKKN dalam menyemarak dan mengangkat seni budaya negara di mata dunia.

## ISI KANDUNGAN

05-06	PERUTUSAN KETUA PENGARAH
07	RINGKASAN EKSEKUTIF
08-23	MAKLUMAT ORGANISASI
24-28	RUMUSAN PENCAPAIAN DAN PRESTASI
29-40	LAPORAN TADBIR URUS JABATAN
41-57	LAPORAN PENCAPAIAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN (KK)
58-75	LAPORAN PENCAPAIAN SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN (DP)
76-78	ISU/CABARAN
79-80	PENUTUP
81-88	LENSA MEMORI

# Perutusan KETUA PENGARAH

السَّلَامَةُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji dan syukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Laporan Prestasi JKKN dapat diterbitkan sebagai dokumentasi kepada pencapaian prestasi sepanjang tahun 2021. Sesungguhnya, tahun 2021 masih lagi menyaksikan industri seni budaya yang mencabar kreativiti para penggiat seni budaya tanah air. Situasi ini mendorong perubahan landskap ke arah digitalisasi demi meneruskan kelangsungan dan pelestarian seni budaya negara.

Bagi pihak pengurusan tertinggi JKKN, saya menggalas tanggungjawab yang mencabar apabila tahun 2021 kita masih dalam fasa pandemik COVID-19 yang mana kita semua maklum tempoh sukar ini dilalui oleh semua pihak. Pandemik yang melanda dunia telah memberikan kesan besar pada keseluruhannya. Meskipun pelbagai cabaran yang menghalang, namun saya sangat berbangga kerana didokongi pasukan yang hebat dalam memastikan setiap tanggungjawab dilaksanakan sebaiknya serta turut mendapat sokongan dan komitmen daripada semua penggiat seni budaya demi beroleh kebaikan dan manfaat bersama.

Saya menghargai setiap usaha gigih semua pihak terutama NGO seni

**Sesungguhnya, tahun 2021 masih lagi menyaksikan industri seni budaya yang mencabar kreativiti para penggiat seni budaya tanah air. Situasi ini mendorong perubahan landskap ke arah digitalisasi demi meneruskan kelangsungan dan pelestarian seni budaya negara.**

budaya, jabatan, agensi serta pihak swasta dalam menggembeng keupayaan masing-masing demi memartabatkan seni budaya seiring negara-negara lain. Pelbagai kaedah digunakan bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan program tahunan jabatan dapat dilaksana serta dilihat oleh masyarakat. JKKN mengambil inisiatif untuk melaksanakan program secara hibrid atau secara dalam talian bagi tahun 2021.

Lantaran norma baharu menjadi landasan, tahun 2021 mencatat statistik khlayak bukan fizikal seramai **1,087,193** merangkumi beberapa medium media sosial seperti *Facebook, Youtube, Instagram, Twitter* dan *TikTok*. Manakala penyertaan seramai **6,212** orang bagi statistik peserta. Tugas yang digalas JKKN ini tentunya tidak akan terlaksana tanpa penglibatan semua pihak. Komitmen serta sokongan inilah yang telah memastikan peranan jabatan dapat dilaksana dengan lebih berkesan dan jayanya. Justeru, pengukuhan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dan institusi di pelbagai peringkat perlu diperkembang dan digiatkan.

Kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang berganding bahu bagi memastikan pembangunan seni budaya terus utuh dan terpelihara. Semoga kerjasama, sokongan dan komitmen yang berterusan akan dapat membantu JKKN dalam kelestarian seni budaya negara terus terjamin.

Akhir kata, semoga hasil yang diterjemahkan melalui buku ini dapat memberi kefahaman dan inspirasi kepada semua pihak seterusnya menjadi wadah dalam meningkatkan mutu kerja yang lebih kreatif, berdaya saing dan kental menghadapi pelbagai rintangan dalam seni budaya selari arus transformasi digital.

Sekalung tahniah dan terima kasih kepada pasukan editorial dan semua warga kerja JKKN yang sangat iltizam merealisasikan penerbitan buku yang istimewa ini.

***Kain Sutera Panjang Sebidang  
Tenunan Lama Cantik Menyerlah  
Kitalah Wira Tidak Didendang  
Mengangkat Budaya Tidakkan Lelah***

HAJI MESRAN MOHD YUSOP

KETUA PENGARAH

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan sebuah jabatan peneraju utama dalam melaksana dan menyemarakkan aktiviti kebudayaan dan kesenian negara di pelbagai peringkat selaras dengan hasrat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia, membina jati diri bangsa berteraskan seni, budaya dan warisan serta seni budaya untuk penjana ekonomi negara.

JKKN menetapkan sasaran awal sebanyak 208 KPI aktiviti berperuntukan dan telah berjaya melaksanakan 207 KPI aktiviti. JKKN turut membantu melaksanakan program dan aktiviti anjuran pihak luar yang terdiri daripada kementerian-kementerian lain, kerajaan negeri, agensi-agensi lain, sektor swasta dan NGO. Jumlah program yang dilaksanakan secara sinergi ini adalah sebanyak 183 KPI menjadikan bebanan sebenar bagi tahun 2021 adalah sebanyak 390 KPI.

Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia yang bermula pada tahun 2020 telah memberi kesan kepada semua pihak tidak terkecuali JKKN apabila semua program secara fizikal terpaksa dibatalkan atau dilaksanakan berdasarkan norma baharu iaitu secara maya. Lantaran itu, tahun 2021 menyaksikan penurunan yang sangat ketara bagi statistik khalayak dan peserta secara fizikal iaitu seramai 3,610 khalayak dan 6,212 peserta. Jumlah khalayak dan peserta bukan fizikal pula menunjukkan peningkatan iaitu seramai 1,087,193 khalayak daripada platform media sosial rasmi JKKN seperti *Facebook*, *YouTube*, *Instagram*, *Twitter* dan *TikTok*. Manakala jumlah pelayar bagi portal Pemetaan Budaya JKKN adalah 546,021 dan laman sesawang JKKN seramai 129,420 orang.

Bagi tugas hakiki atau aktiviti tanpa peruntukan, sebanyak 373 KPI disasar dan 351 KPI berjaya dicapai dengan pencapaian sebanyak 94 peratus. Pelaksanaan aktiviti 2021 adalah berdasarkan kepada penetapan Petunjuk Prestasi Utama yang merangkumi bilangan aktiviti/program, penyertaan pelbagai kaum dan taburan lokasi aktiviti sama ada di bandar atau luar bandar, jantina, umur, tahap pendidikan dan pekerjaan. Sasaran yang ditetapkan di peringkat awal bagi penglibatan khalayak bumiputera dan bukan bumiputera ialah 60:40 dan telah dicapai dengan nisbah 75:25.

Semua aktiviti tersebut dilaksanakan melalui dua (2) sektor utama di ibu pejabat iaitu Sektor Kebudayaan dan Kesenian dan Sektor Dasar dan Perancangan serta 14 JKKN Negeri dengan penggembelengan tenaga seramai 322 orang pegawai dan kakitangan tetap JKKN. Di samping itu, pengurusan dan pelaksanaan program dimantapkan lagi dengan adanya 11 buah Kompleks JKKN Negeri yang memberi kemudahan dan ruang untuk mengisi pelbagai aktiviti seni budaya di peringkat negeri.

Sesungguhnya kejayaan ini juga adalah hasil kerjasama yang sangat baik daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan NGO seluruh negara. Semangat kerja berpasukan dan persefahaman dalam memartabatkan seni, budaya dan warisan ini perlu diteruskan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

## MAKLUMAT ORGANISASI

## LATAR BELAKANG

---

### PENGENALAN

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan sebuah agensi kerajaan yang menerajui pembangunan kebudayaan dan kesenian negara. JKKN perlu mewujudkan pelbagai inisiatif bagi memupuk kesedaran masyarakat terhadap kebudayaan dan kesenian negara serta seterusnya meningkatkan jati diri rakyat Malaysia ke tahap yang tertinggi. JKKN juga perlu kekal relevan mengikut peredaran zaman dengan menyesuaikan pembangunan teknologi maya dan digital dalam menyalurkan ilmu, data dan maklumat seni budaya dan boleh diakses hanya diujung jari sahaja.

### PERANAN

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang menjaga hal ehwal kebudayaan dan kesenian negara, JKKN berperanan memastikan seni budaya yang bakal diwarisi oleh generasi akan datang terpelihara dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Berdasarkan visi dan misi utama jabatan, usaha ini akan diperhebat melalui kerjasama erat pejabat JKKN negeri dan semua peringkat masyarakat.

## SEJARAH PENUBUHAN JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

---

Bermula tahun 1953, Bahagian Kebudayaan ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk mengukuhkan kebudayaan kebangsaan dalam membangunkan sosioekonomi dan pemupukan nilai-nilai murni.

Bahagian Kebudayaan ini berperanan untuk merangka dasar pembangunan kebudayaan, merancang, menyelaras dan mengurus program kebudayaan. Ia dilakukan dengan cara memelihara perpaduan dan kebudayaan kebangsaan agar intipati dan aspirasinya sentiasa dihargai melalui penghayatan serta amalan berterusan.

Pada tahun 1964, Bahagian Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran Malaysia. Pada tahun tersebut, Kementerian Penerangan dan Penyiaran Malaysia bersama dengan Kementerian Kebudayaan dan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mengemukakan cadangan untuk membina Pusat Kebudayaan Negara Malaysia. Cadangan asalnya, Kompleks Kebudayaan ini bakal merangkumi beberapa komponen lain seperti Muzium Sejarah Negara, Balai Seni Lukis Negara, Planetarium Negara, Panggung Utama, restoran dan pusat membeli belah budaya. Tapak pembinaan pula didirikan di sekitar Lembah Pantai berdekatan Pusat Penyiaran Malaysia dan Universiti Malaya (UM).

Bahagian Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1972 dan pada 20 Mei 1987, kerajaan telah menggabungkan Bahagian Kebudayaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada

masa itu dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang seterusnya dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.

Bermula pada 22 Oktober 1992, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia ini telah bertukar nama dan lebih dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (MOCAT) dan telah beroperasi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sehingga pembentukan barisan Kabinet baharu oleh YAB Perdana Menteri pada 01 November 2003. Dengan pembentukan Kabinet baharu oleh YAB Perdana Menteri, hal-hal yang bersangkutan dengan kesenian dan budaya diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa) manakala hal-hal berkaitan aspek pelancongan diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR).

Semasa pembentukan KeKKWa, Bahagian Pembangunan Kesenian dan Kebudayaan masih kekal dengan statusnya sebagai sebuah bahagian di bawah kementerian sehinggalah arahan daripada YB Menteri supaya usul dilakukan oleh pihak kementerian bagi penubuhan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan juga Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri.


Bahagian Pembangunan Kesenian dan Kebudayaan telah menyediakan kertas cadangan penubuhan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan juga Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri-negeri. Pada bulan November 2004, pembentangan kertas cadangan penubuhan jabatan dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pada 15 Mac 2005, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian menerima Waran Perjawatan Bil.S20 tahun 2005 bertarikh 22 Mac 2005. Dengan penerimaan Waran Perjawatan berkenaan maka tertubuhlah dengan rasminya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri-negeri.

Kemudian, melalui Waran Perjawatan Bil.S40 yang bertarikh 01 Februari 2007 pula, pewujudan satu lagi bahagian baharu di JKKN iaitu Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan yang bertujuan membolehkan JKKN berfungsi dengan lebih baik dalam urusan perancangan dan penyelidikan seni dan budaya.

Pada 18 Mac 2008, sekali lagi dipindahkan dibawah naungan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia (KPKKW). Pada April 2009, JKKN bernaung pula di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK). Selama empat tahun di bawah KPKK, pada 16 Mei 2013, JKKN menjadi salah satu agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) dan bermula tahun 2018 sehingga kini, JKKN berada di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

## KRONOLOGI PENUBUHAN JKKN



## PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2021 JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

**KETUA PENGARAH**  
Haji Mesran Mohd Yusop  
GRED UTAMA JUSA B (VU6)


**TIMBALAN KETUA PENGARAH**  
(Dasar & Perancangan)  
Salehuddin Md Salleh  
GRED UTAMA JUSA C (VU7)

**TIMBALAN KETUA PENGARAH**  
(Kebudayaan & Kesenian)  
Mohd Amran Mohd Haris  
GRED UTAMA JUSA C (VU7)





# CARTA ORGANISASI TAHUN 2021 JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA



Nota Rujukan:  
PK - Pegawai Kebudayaan    PTD - Pegawai Tadbir Diplomatik

# CARTA ORGANISASI TAHUN 2021 PENGARAH – PENGARAH NEGERI JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA



**KETUA PENGARAH**  
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA  
**HAJI MESRAN MOHD YUSOP**  
PK Gred Utama JUSA B



**JKKN PERLIS**  
**NORAZLIN NORDIN**  
PENGARAH  
(PK GRED B48)



**JKKN MELAKA**  
**EZLINA ALIAS**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN KEDAH**  
**SABARINA MASADI**  
PENGARAH  
(PK GRED B48)



**JKKN JOHOR**  
**MOHD RIZAL ISMAIL**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN PULAU PINANG**  
**SHAPEE CHE EMBI**  
PENGARAH  
(PK GRED B48)



**JKKN KELANTAN**  
**ROSNAN ABDUL RAHMAN**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN PERAK**  
**ABD. RASHID ABDULLAH**  
PENGARAH  
(PK GRED B48)



**JKKN TERENGGANU**  
**SAMSURING MELI**  
PENGARAH  
(PK GRED B48)



**JKKN SELANGOR**  
**MOHAMD RAIZULI MAT JUSOH**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN PAHANG**  
**DAYANG KARTINI AWANG BUJANG**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN WP KUALA LUMPUR**  
**NURWATI @ RAHIMAH ABDUL WAHAB**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN SABAH**  
**JASMI RASIT**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN NEGERI SEMBILAN**  
**RAHMAT MD. NOH**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)



**JKKN SARAWAK**  
**NOOR SEELA NOOR SULAIMAN**  
PENGARAH  
(PK GRED B52)

## VISI

Peneraju seni budaya dalam mendukung seni untuk seni, seni untuk perpaduan dan seni budaya untuk penjana pendapatan kepada pemain industri ke arah pembentukan jati diri dan kesejahteraan masyarakat.

## MISI

- Memantapkan usaha memulihara, mengekal, mengembang dan menyemarak seni budaya warisan negara;
- Menggembeng elemen seni budaya untuk meningkatkan jati diri, kesejahteraan dan perpaduan negara;
- Menggalakkan penglibatan penggiat seni dalam bidang ekonomi melalui aktiviti seni budaya yang inovatif; dan
- Menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti pelancongan budaya.

## OBJEKTIF

- Mengekal dan mengembangkan kebudayaan dan kesenian;
- Memperbanyakkan aktiviti seni budaya ke segenap lapisan masyarakat;
- Menyebarkan maklumat seni budaya kepada orang awam dalam dan luar negara;
- Menyediakan kemudahan prasarana seni dan budaya yang kondusif serta khidmat nasihat kepada masyarakat; dan
- Meningkatkan pembangunan produk seni budaya.

## FUNGSI JKKN

- Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan, pendokumentasian dan penerbitan, bimbingan seni budaya, pembangunan produk seni budaya, pengembangan seni budaya, pengukuhan seni budaya, pembangunan produksi dan artistik, dan promosi seni budaya;
- Membina jaringan kerjasama dengan pemain industri seni budaya, agensi kerajaan, swasta, NGO dan penggiat seni budaya dari dalam dan luar negara;
- Menyediakan landasan untuk membolehkan penggiat seni menjana pendapatan melalui aktiviti seni budaya;
- Memperkukuhkan aktiviti seni dan budaya yang bersesuaian sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negara; dan
- Meningkatkan keberkesanan peranan JKKN melalui 14 JKKN Negeri.

## STRATEGI

- Menyemarak dan merakyatkan aktiviti seni dan budaya dalam kalangan pelbagai kaum dan peringkat sasar;
- Menyediakan kemudahan prasarana, garis panduan seni dan budaya, bantuan dana, khidmat nasihat, latihan dan pengiktirafan kepada penggiat seni;
- Memerangi rasuah di peringkat organisasi selaras dengan dasar baharu yang diperkenalkan kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP); dan
- Merangka dan menggalakkan pembangunan produk seni dan budaya selaras dengan pembangunan industri kreatif.

## LOGO & SLOGAN



## “SEMARAKKAN SENI DAN BUDAYA”

Kata keramat yang dijadikan pegangan JKKN dalam menggalas tanggungjawab sebagai pentadbir seni budaya pada semua peringkat masyarakat hingga ke akar umbi.

## NILAI BERSAMA JKKN



Agama menjadi salah satu rujukan bagi memastikan budaya dan seni dibangunkan dengan penuh semangat kemurnian dan kesejahteraan masyarakat.



Memastikan setiap warganya menekankan dan memperkukuhkan segala cabang ilmu yang ada dalam pengurusan, pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan seni dan budaya.



Memastikan walau dalam setiap aspek pembangunan dan pengukuhan budaya dan seni hendaklah sentiasa menerapkan dan memperkukuhkan jati diri tinggi bukan sahaja kepada warganya tetapi masyarakat Malaysia amnya.




Setiap aspek bahasa termasuklah penyantunan percakapan mahupun gerak badan dilaraskan dengan kesopanan budi bahasa berasaskan ketamadunan Melayu.



Memupuk sepanjang zaman semangat perpaduan di antara pelbagai kaum melalui pelbagai inisiatif, aktiviti mahupun program budaya dan seni sekali gus menjadikan kepelbagaian ini sebagai satu keunikan oleh masyarakat Malaysia.



Memastikan setiap penghasilan idea dan usaha jabatan sentiasa terus ke hadapan dan selari dengan teknologi terkini bagi memastikan jabatan terus relevan dalam memainkan peranan sebagai tunjang kepada pemuliharaan dan pemeliharaan budaya dan seni di Malaysia.



Memastikan setiap warganya berusaha mencapai kejayaan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat khususnya kepada masyarakat dalam semua aspek.



Memastikan setiap warganya mengamal dan menyebarkan setiap pengamalan nilai-nilai murni sekali gus mengekalkan perkhidmatan awam sebagai contoh kepada budaya kerja yang jujur dan berintegriti tinggi.

## PREMIS JABATAN

Ibu Pejabat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) beroperasi di Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur sejak 1 Julai 2014. Selain daripada Ibu Pejabat JKKN, terdapat tiga (3) buah negeri lagi turut beroperasi di premis sewaan di negeri masing-masing iaitu JKKN Negeri Selangor, Johor dan Sarawak. Manakala 11 buah negeri iaitu Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sabah beroperasi sepenuhnya di Kompleks JKKN Negeri-negeri. Senarai premis bagi Ibu Pejabat JKKN dan JKKN negeri adalah seperti berikut:



**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA (JKKN) IBU PEJABAT**  
 ARAS 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34 MENARA TH PERDANA  
 LOT 1001, JALAN SULTAN ISMAIL  
 50250 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0884  
 info@jkkn.gov.my http://www.jkkn.gov.my



**#MYSENIBUDAYA  
 MALAYSIA**

## KOMPLEKS JKKN PERLIS



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perlis  
Kompleks JKKN Perlis  
Persiaran Wawasan Kangar 01000 Kangar  
Perlis  
Tel: 04-979 3604 Faks: 04-977 0117

- Auditorium: Kapasiti 400 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni

## KOMPLEKS JKKN PERAK



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perak  
Kompleks JKKN Perak  
Lot 20561 @ 20565 Jalan Cardwell off Jalan Raja Dihilir  
30350 Ipoh, Perak  
Tel: 05-253 7001 Faks: 05-241 7017

- Auditorium: Kapasiti 306 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Studio Tari
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni

## KOMPLEKS JKKN KEDAH

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kedah  
Kompleks JKKN Kedah  
Lot Ptd 400, 05250 Alor Setar  
Kedah  
Tel: 04-731 5930 Faks: 04-733 8128

- Auditorium: Kapasiti 400 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni



## KOMPLEKS JKKN WP KUALA LUMPUR

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)  
Kompleks JKKN WPKL, Jalan Tun H.S. Lee  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2072 6431/6779 Faks: 03-2070 4064

- Auditorium: Kapasiti 232 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Studio Tari
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni



## KOMPLEKS JKKN PULAU PINANG



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)  
Pulau Pinang  
Kompleks Pusaka Warisan Seni Lot No. 2180 Jalan Rawang  
off Jalan P. Ramlee, 10460 Pulau Pinang  
Tel: 04-281 7791/7792 Faks: 04-281 7781

- Auditorium: Kapasiti 220 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Pusat Sumber
- Bilik Seminar
- Galeri Seni

## JKKN SELANGOR



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Selangor  
Ideal Convention Centre (IDCC) Shah Alam Tingkat 6, 6-01  
Menara Korporat Kompleks IDCC, Jalan Pahat L 15/L Seksyen 15,  
40200 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5543 1419 Faks: 03-5543 1548

- Bilik Mesyuarat
- Pusat Sumber

## KOMPLEKS JKKN MELAKA



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Melaka  
Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka  
T: 06-233 1790/233 1787 F: 06-233 1784

- Auditorium: Kapasiti 500 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Studio Tari
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni

## KOMPLEKS JKKN PAHANG



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pahang  
Kompleks JKKN Pahang  
Lot 57100, Jalan Tok Sisek  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 09-517 8466 Faks: 09-517 9466

- Auditorium: Kapasiti 220 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Studio Tari
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni
- Kafe

## KOMPLEKS JKKN NEGERI SEMBILAN



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)  
Negeri Sembilan,  
Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban  
Negeri Sembilan  
Tel: 06-767 6793/763 6308 Faks: 06-763 4417

- Auditorium D'Sury: Kapasiti 500 orang
- Auditorium Melewar: Kapasiti 300 orang
- Bilik Mesyuarat
- Bilik Kuliah
- Studio Tari
- Studio Muzik
- Pusat Sumber
- Bilik Seminar
- Galeri Seni

## KOMPLEKS JKKN KELANTAN



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)  
Kelantan  
Kompleks JKKN Kelantan  
Lot 1993, Seksyen 49  
Tanjong Chat, 15200 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-741 7000 Faks: 09-741 7004

- Auditorium: Kapasiti 840 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Studio Tari
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni

## JKKN JOHOR



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Johor  
Aras 6 Kiri, Wisma PERKESO  
No 26, Jalan Susur 5, off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin  
80200 Johor Bahru, Johor  
Tel: 07-224 8270 Faks: 07-223 9413

- Bilik Mesyuarat
- Pusat Sumber
- Galeri Seni

## KOMPLEKS JKKN TERENGGANU



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Terengganu  
Kompleks JKKN Terengganu  
Kuala Ibai, 20400 Kuala Terengganu  
Terengganu  
Tel: 09-617 8831 Faks: 09-617 8832

- Auditorium: Kapasiti 422 orang
- Bilik Mesyuarat
- Studio Muzik
- Studio Teater
- Studio Tari
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Bilik Seminar
- Galeri Seni
- Surau Awam
- Tandas Awam
- Kafe Warung Seni

## JKKN SARAWAK

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sarawak  
Tingkat 5 Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga, 93000 Kuching, Sarawak  
Tel: 082-422 006/423 106 Faks: 082-244 394

- Bilik Mesyuarat
- Pusat Sumber

## KOMPLEKS JKKN SABAH


Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah  
Kompleks JKKN Sabah, KM 4 Jalan Penampang  
88200 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel: 088-237 052/051 Faks: 088-242 052

- Auditorium: Kapasiti 540 orang
- Bilik Mesyuarat
- Pentas Terbuka
- Bilik Urus Setia
- Bilik Seminar
- Bilik NGO
- Studio Etnik
- Studio Teater
- Studio Tari
- Pusat Sumber
- Gelanggang Gasing
- Galeri 1,2,3



# RUMUSAN PENCAPAIAN DAN PRESTASI

## RINGKASAN PENCAPAIAN DAN PRESTASI JKKN TAHUN 2021




## RUMUSAN PENCAPAIAN KPI BERPERUNTUKAN JKKN IBU PEJABAT & NEGERI 2021


<b>KPI Sasar: 208 KPI</b>	<b>KPI Capai: 207 KPI</b>
Capaian Program Tambahan: <b>183 KPI</b>	% Pencapaian Keseluruhan: <b>188%</b>
Bebanan Sebenar Capaian KPI: <b>390 KPI</b>	

KPI SEKTOR KK DI IBU PEJABAT		KPI SEKTOR KK DI NEGERI	
SASAR	15	SASAR	117
CAPAI	15	CAPAI	117
PROGRAM TAMBAHAN	43	PROGRAM TAMBAHAN	25
<b>BEBANAN</b>	<b>58</b>	<b>BEBANAN</b>	<b>142</b>
KPI SEKTOR DP DI IBU PEJABAT		KPI SEKTOR DP DI NEGERI	
SASAR	20	SASAR	56
CAPAI	19	CAPAI	56
PROGRAM TAMBAHAN	10	PROGRAM TAMBAHAN	4
<b>BEBANAN</b>	<b>29</b>	<b>BEBANAN</b>	<b>60</b>
LAIN-LAIN BEBANAN/PROGRAM TAMBAHAN DI NEGERI YANG TIDAK MELIBATKAN SEKTOR KK DAN DP		101	
<b>JUMLAH BEBANAN DI IBU PEJABAT</b>	<b>87</b>	<b>JUMLAH BEBANAN DI JKKN NEGERI</b>	<b>303</b>
<b>JUMLAH BEBANAN SEBENAR KESELURUHAN</b>			
<b>390</b>			

## PERINCIAN PENCAPAIAN KPI BERPERUNTUKAN JKKN IBU PEJABAT & NEGERI




### PETUNJUK RUMUSAN PENCAPAIAN KPI




PERINCIAN PENCAPAIAN KPI TUGAS HAKIKI  
JKKN IBU PEJABAT & NEGERI

KPI TUGAS HAKIKI IBU PEJABAT & NEGERI



	KPI		KEKERAPAN	
	SASAR	CAPAI (A)	SASAR	CAPAI (A)
IBU PEJABAT	62	48	85	143
NEGERI	311	303	569	667
<b>JUMLAH</b>	<b>373</b>	<b>351</b>	<b>654</b>	<b>810</b>

RUMUSAN **RETURN ON INVESTMENT (ROI)**




PERINCIAN PESERTA & KHALAYAK (FIZIKAL DAN MAYA)  
JKKN IBU PEJABAT & NEGERI

	PESERTA		KHALAYAK	
	FIZIKAL	MAYA	FIZIKAL	MAYA
IBU PEJABAT	1,579	8,664	0	409,959
PERLIS	0	369	0	97,612
KEDAH	225	0	126	19,850
PULAU PINANG	0	0	0	29,642
PERAK	14	3	0	37,148
SELANGOR	0	90	370	33,541
WP KUALA LUMPUR	620	11,282	0	10,568
NEGERI SEMBILAN	544	169	0	19,693
MELAKA	369	0	250	55,926
JOHOR	19	182	40	29,135
PAHANG	588	86	1,154	165,653
TERENGGANU	941	325	435	77,862
KELANTAN	135	108	400	21,152
SABAH	824	60	835	35,535
SARAWAK	354	38	0	43,917
<b>JUMLAH</b>	<b>6,212</b>	<b>21,376</b>	<b>3,610</b>	<b>1,087,193</b>

PENAJAAN



PORTAL DAN LAMAN SOSIAL RASMI JKKN






# LAPORAN TADBIR URUS JABATAN

## KEWANGAN

Sejumlah **RM43,074,500.00** peruntukan bagi perbelanjaan mengurus JKKN telah diluluskan oleh **Perbendaharaan Malaysia** pada tahun kewangan 2021. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak **RM4,652,022.00** telah ditarik balik oleh Pegawai Pengawal MOTAC berikutan pandemik COVID-19 menjadikan peruntukan perbelanjaan mengurus yang diterima oleh JKKN bagi tahun kewangan 2021 berjumlah **RM38,422,478.00**. Sebanyak **97.78 peratus** atau **RM37,569,486.71** telah dibelanjakan oleh JKKN dengan perincian peruntukan perbelanjaan mengurus dan laporan berkaitan pengurusan kewangan JKKN dinyatakan dalam laporan berikut:

### Perbelanjaan Mengurus JKKN Tahun 2021 (Berakhir 31 Disember 2021)



### Perbandingan Prestasi Belanja Mengurus JKKN Tahun Kewangan 2019/2020/2021 (Berakhir 31 Disember)

TAHUN KEWANGAN 2019-2021		
2019	2020	2021
RM44,970,148.00 <b>98.5%</b>	RM38,457,378.12 <b>93.81%</b>	RM37,569,486.71 <b>97.78%</b>

### Perbandingan Kutipan Hasil Kerajaan Persekutuan JKKN Tahun Kewangan 2019/2020/2021 (Berakhir 31 Disember)

TAHUN KEWANGAN 2019-2021		
2019	2020	2021
RM547,131.18	RM48,142.19	RM143,851.58

## SUMBER MANUSIA



## PERJAWATAN

	JUMLAH	PENGISIAN	KEKOSONGAN	
1	JKKN IBU PEJABAT	132	107	25
2	JKKN PERLIS	15	13	2
3	JKKN KEDAH	17	14	3
4	JKKN PULAU PINANG	17	16	1
5	JKKN PERAK	17	17	0
6	JKKN SELANGOR	17	15	2
7	JKKN WPKL	17	15	2
8	JKKN NEGERI SEMBILAN	17	14	3
9	JKKN MELAKA	18	18	0
10	JKKN JOHOR	17	13	4
11	JKKN PAHANG	18	17	1
12	JKKN TERENGGANU	16	14	2
13	JKKN KELANTAN	17	15	2
14	JKKN SARAWAK	20	18	2
15	JKKN SABAH	21	16	5
	<b>Jumlah</b>	<b>376</b>	<b>322</b>	<b>54</b>

\*kemas kini sehingga 31 Disember 2021

## LANTIKAN KONTRAK (C.O.S)

JKKN	ARTIS BUDAYA GRED B29			ARTIS BUDAYA GRED B19		
	KUOTA	ISI	KOSONG	KUOTA	ISI	KOSONG
JKKN IBU PEJABAT	2	2	0	40	34	6
JKKN PERLIS	1	0	1	16	13	3
JKKN KEDAH	1	1	0	16	13	3
JKKN P. PINANG	1	1	0	16	11	5
JKKN PERAK	1	1	0	16	12	4
JKKN SELANGOR	1	1	0	16	12	4
JKKN WPKL	1	1	0	16	13	3
JKKN N. SEMBILAN	1	1	0	18	15	3
JKKN MELAKA	1	1	0	16	12	4
JKKN JOHOR	1	1	0	16	10	6
JKKN PAHANG	1	1	0	16	12	4
JKKN TERENGGANU	1	1	0	16	13	3
JKKN KELANTAN	1	1	0	18	15	3
JKKN SARAWAK	1	1	0	20	15	5
JKKN SABAH	1	1	0	19	17	2
<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	<b>15</b>	<b>1</b>	<b>275</b>	<b>217</b>	<b>58</b>

\*kemas kini sehingga 31 Disember 2021

JKKN	PEMANDU KENDERAAN GRED H11			PEMBANTU AWAM GRED H11		
	KUOTA	ISI	KOSONG	KUOTA	ISI	KOSONG
JKKN IBU PEJABAT	2	2	0	-	-	-
JKKN N. SEMBILAN	1	1	0	1	1	0
JKKN PAHANG	1	0	1	1	0	1
JKKN SARAWAK	1	1	0	1	0	1
JKKN SABAH	1	1	0	1	1	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>2</b>

JADUAL RUMUSAN PECAHAN KUOTA LANTIKAN KONTRAK (C.O.S) DI JKKN					
BIL.	JAWATAN	GRED	KUOTA	ISI	KOSONG
1	ARTIS BUDAYA	B29	16	15	1
2	ARTIS BUDAYA	B19	275	217	58
3	PEMANDU KENDERAAN	H11	6	5	1
4	PEMBANTU AWAM	H11	4	2	2
<b>JUMLAH</b>			<b>301</b>	<b>239</b>	<b>62</b>

## SENARAI PERSONEL MYSTEP

1.	En. Nazrul Fadzli Khairulhalimi	Caw. Pentadbiran, JKKN Ibu Pejabat
2.	Pn. Nurazlin Mazene	UKK, JKKN Ibu Pejabat
3.	En. Mohamad Asyraf Yusof	UKK, JKKN Ibu Pejabat
4.	En. Amirul Azren Ishak	D&P (P), JKKN Ibu Pejabat
5.	Pn. Nur Kartini Mohamad Razali	D&P (D), JKKN Ibu Pejabat
6.	Pn. Nurul Amira Norhasdi	D&P (D), JKKN Ibu Pejabat
7.	Puan Mardiana Ali	Caw. Kewangan, JKKN Ibu Pejabat
8.	En. Mohd Zulhafiz Mohd Noor	Pejabat Ketua Pengarah JKKN
9.	En. Mohamad Hazaim Abdullah	BSB, JKKN Ibu Pejabat
10.	Pn. Intan Rafini Ahmad Razali	PPA, JKKN Ibu Pejabat
11.	En. Phikcheat EhChing	CDP, JKKN Ibu Pejabat
12.	En. Muhammad Syafiq Ahmad	CDP, JKKN Ibu Pejabat
13.	En. Afif Haikal Zainal Abidin	Unit Pembangunan & Infrastruktur
14.	En. Badrul Naim Baharuddin	PSB, JKKN Ibu Pejabat
15.	Pn. Siti Nur Aisyah Mohamed Hizeir	PSB, JKKN Ibu Pejabat
16.	En. Rineshwaran Subramaniam	PSB, JKKN Ibu Pejabat
17.	Pn. Julina Ridzuan	JKKN Perlis
18.	En. Muhamad Fizry Md Rejab	JKKN WPKL
19.	En. Mohd Basyar Abd Karim	JKKN N. Sembilan
20.	Pn. Noorlisa Masni Abd Latif	JKKN Perak
21.	Pn. Menie Ng Ted	JKKN Sarawak
22.	En. Amirul Philip	JKKN Sarawak

\*Kontrak mulai 04 Januari 2021 – 31 Disember 2021

## KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI

	GRED SEBELUM	PEMANGKUAN/ KENAIKAN PANGKAT	TARIKH
1. Allahyarham En. Hazeme bin Said	Pegawai Kebudayaan Gred B29	Pegawai Kebudayaan Gred B32 (TBK)	16 Ogos 2021 Berkuatkuasa 18.04.2020
2. Pn. Baffi Hera binti Abu Bakar	Pereka Gred B29	Pereka Gred B32 (TBK)	28 Mei 2021 Berkuatkuasa 17.05.2020
3. En. Khairul Anuar bin Samsuddin	Pegawai Kebudayaan Gred B29	Pegawai Kebudayaan Gred B32 (TBK)	02 September 2021 Berkuatkuasa 17.08.2020
4. En. Azizol bin Ahmad	Pegawai Kebudayaan Gred B41	Pegawai Kebudayaan Gred B44 (M)	04/01/2021
5. Pn. Noor Atiqah binti Zulkepli	Pegawai Kebudayaan Gred B41	Pegawai Kebudayaan Gred B44 (M)	04.01.2021
6. En. Mohd Fairuz bin Selamat	Pegawai Kebudayaan Gred B41	Pegawai Kebudayaan Gred B44 (M)	04/01/2021
7. Pn. Somira binti Abd Rahman	Pegawai Kebudayaan Gred B32	Pegawai Kebudayaan Gred B42	04.01.2021
8. En. Mohd Radzi bin Omar	Pegawai Kebudayaan Gred B52	Pegawai Kebudayaan Gred B54 (M)	04.01.2021
9. En. Muhammad Hasnimizan bin Ishak	Pegawai Kebudayaan Gred B48	Pegawai Kebudayaan Gred B52 (M)	04.01.2021
10. En. Mohd Rizal bin Ismail	Pegawai Kebudayaan Gred B48	Pegawai Kebudayaan Gred B52 (M)	04.01.2021
11. En. Noor Seela binti Noor Sulaiman	Pegawai Kebudayaan Gred B48	Pegawai Kebudayaan Gred B52 (M)	04.01.2021
12. En. Shapee bin Che Embi	Pegawai Kebudayaan Gred B44	Pegawai Kebudayaan Gred B48 (M)	02 September 2021 Berkuatkuasa 06.01.2021
13. En. Rosnan bin Nordin	Pegawai Kebudayaan Gred B52	Pegawai Kebudayaan Gred B54 (M)	18/01/2021
14. En. Samsuring bin Meli	Pegawai Kebudayaan Gred B44	Pegawai Kebudayaan Gred B48 (M)	18/01/2021
15. Pn. Zubariah binti Abdullah	Pegawai Kebudayaan Gred B44	Pegawai Kebudayaan Gred B48 (M)	18/01/2021
16. Pn. Sabarina binti Masadi	Pegawai Kebudayaan Gred B44	Pegawai Kebudayaan Gred B48 (M)	18/01/2021
17. En. Mohd Jumran bin Tambong	Pegawai Kebudayaan Gred B41	Pegawai Kebudayaan Gred B44 (M)	18/01/2021
18. Pn. Fiza Farika binti Mohd Yasin	Pegawai Kebudayaan Gred B41	Pegawai Kebudayaan Gred B44 (M)	18/01/2021
19. Pn. Milyana binti Arshad	Pegawai Kebudayaan Gred B41	Pegawai Kebudayaan Gred B44 (M)	18/01/2021
20. En. Mat Pandi bin Awang	Pegawai Kebudayaan Gred B19	Pegawai Kebudayaan Gred B22 (TBK)	07 April 2021 Berkuatkuasa 15.02.2021
21. En. Mohd Yazid bin Mohd Hamdan	Pegawai Kebudayaan Gred B19	Pegawai Kebudayaan Gred B22 (TBK)	07 April 2021 Berkuatkuasa 15.02.2021
22. Pn. Aziemah binti Abu Samah	Pegawai Kebudayaan Gred B19	Pegawai Kebudayaan Gred B22 (TBK)	17 April 2021 Berkuatkuasa 16.04.2021
23. Pn. Siti Rohayu binti Muhamad	Pegawai Kebudayaan Gred B29	Pegawai Kebudayaan Gred B32 (TBK)	16 Ogos 2021 Berkuatkuasa 18.04.2021
24. En. Mohd Zanidizam bin Mohd Dila	Pegawai Kebudayaan Gred B29	Pegawai Kebudayaan Gred B32 (TBK)	01 September 2021 Berkuatkuasa 18.04.2021
25. Pn. Mawar Suhaila binti Ab Razak	Pegawai Kebudayaan Gred B29	Pegawai Kebudayaan Gred B32 (TBK)	01 September 2021 Berkuatkuasa 18.04.2021
26. Pn. Norbaizura binti Norkeman	Pegawai Kebudayaan Gred B29	Pegawai Kebudayaan Gred B32 (TBK)	01 September 2021 Berkuatkuasa 25.07.2021

## PENEMPATAN BAHARU PEGAWAI

**Pn. Naidah Yunos**  
Penolong Jurutera (JA29)  
Jabatan Kerja Raya  
ke JKKN W. Persekutuan  
04/01/2021  
\*Tanggung sehingga 17/01/2022

**En. Muhammad Hasnimizan Ishak**  
Pegawai Kebudayaan (B52)  
Jabatan Warisan Negara  
ke JKKN Ibu Pejabat  
25/01/2021

**Pn. Nurwati @ Rahimah  
Abdul Wahab**  
Pegawai Kebudayaan (B52)  
Istana Budaya  
ke JKKN WPKL  
25/01/2021

**Pn. Wan Azlina Zakaria**  
Pegawai Kebudayaan (B44)  
Istana Budaya  
ke JKKN Ibu Pejabat  
18/01/2021

**Pn. Milyana Arshad**  
Pegawai Kebudayaan (B44)  
MOTAC  
ke JKKN Sarawak  
18/01/2021

**Pn. Sharlina Alias**  
Pegawai Kebudayaan (B48)  
Istana Budaya  
ke JKKN Ibu Pejabat  
18/01/2021

**En. Mokhtar Eisa**  
Penolong Jurutera (JA29)  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
ke JKKN WPKL  
02/02/2021  
(Tanggung sehingga 16/02/2021)

**En. Muhamad Haris Zakaria**  
Pegawai Kebudayaan (B44)  
MOTAC  
ke JKKN Ibu Pejabat  
22/2/2021

**Pn. Madzrool Ismawati Ismail**  
Pembantu Tadbir (P/O) N22  
Politeknik Sultan Salahuddin  
Abdul Aziz Shah, Shah Alam  
ke JKKN Selangor  
23/2/2021

**En. Mohd Amirul Fizzal Din**  
Penolong Jurutera (JA29)  
JKR Bagan Datuk  
ke JKKN Perak  
01/04/2021

**Pn. Noor Hasliha Hassan**  
Setiausaha Pejabat (N29)  
JKR Kelantan  
ke JKKN Kelantan  
12/04/2021

**Pn. Ezainira Zawawi**  
Setiausaha Pejabat (N29)  
Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan  
ke JKKN Negeri Sembilan  
12/04/2021

**Pn. Suzanna Jati Joselin Tait**  
Pembantu Tadbir Kewangan (W19)  
Jabatan Kebajikan Masyarakat WPKL  
ke JKKN Ibu Pejabat  
19/04/2021  
(Tanggung sehingga 02/05/2021)

**Pn. Hidayatul Ein Mohamad Azmi**  
Pegawai Kebudayaan (B52)  
Istana Budaya  
ke JKKN Ibu Pejabat  
08/06/2021

**En. Jamaluddin Ruhani @ Mohd Rosli**  
Penolong Jurutera (JA29)  
Kementerian Kerja Raya  
ke JKKN WPKL  
26/07/2021  
(Tanggung sehingga 09/08/2021)

**En. Fairuz Louis**  
Pegawai Kebudayaan (B29)  
Istana Budaya  
ke JKKN Sarawak  
01/10/2021

**Pn. Wan Nor Wiha Wan Chatek**  
Pembantu Tadbir Kewangan (W22)  
Jabatan Kemajuan Orang Asli  
ke JKKN Ibu Pejabat  
04/10/2021  
(Tanggung sehingga 11/10/2021)

**Pn. Nor Faiza Arshad**  
Pegawai Kebudayaan (B32)  
MOTAC  
ke JKKN Ibu Pejabat  
04/10/2021  
(Tanggung sehingga 18/10/2021)

**Pn. Nur Asmida Alias**  
Penolong Jurutera (JA29)  
JKR Kuala Lumpur  
ke JKKN Pulau Pinang  
18/10/2021

## PERTUKARAN KELUAR PEGAWAI

**Pn. Somira Abd Rahman**  
Pegawai Kebudayaan (B42)  
JKKN Kedah  
ke Jabatan Warisan Negara  
04/01/2021  
(Tanggung sehingga 10/01/2021)

**En. Mohd Radzi Omar**  
Pegawai Kebudayaan (B54)  
JKKN Negeri Sembilan  
ke MOTAC  
04/01/2021

**Pn. Hidayatul Ein Mohamad Azmi**  
Pegawai Kebudayaan (B52)  
JKKN Ibu Pejabat  
ke Istana Budaya  
04/01/2021

**En. Abdul Mutalib Abdul Rahman**  
Pegawai Kebudayaan (B52)  
JKKN Sarawak  
ke MOTAC  
04/01/2021

**Pn. Norazra Mohd Ayob**  
Ketua Pembantu Tadbir (N22)  
JKKN WPKL  
ke Jabatan Kerja Raya  
04/01/2021

**Pn. Lydia Irfian Mohd Isa**  
Pegawai Kebudayaan (B44)  
JKKN Melaka  
ke MOTAC  
18/01/2021

**En. Mohd Shahril Mohd Sa'ad**  
Penolong Jurutera (JA29)  
JKKN WPKL  
ke JKR Negeri Sembilan  
02/02/2021  
(Tanggung sehingga 15/02/2021)

**En. Ku Shahril Azli Ku Shaari**  
Pegawai Kebudayaan (B42)  
JKKN Ibu Pejabat  
ke MOTAC  
15/02/2021  
(Tanggung sehingga 22/02/2021)

**Pn. Murzilawati Mukthar**  
Penolong Jurutera (JA29)  
JKKN Perak  
ke JKR Perak  
01/03/2021  
(Tanggung sehingga 29/03/2021)

**Pn. Norhalifah Ramlee**  
Penolong Jurutera (JA29)  
JKKN Pulau Pinang  
ke JKR Kedah  
01/04/2021

**Pn. Marlia Mohamad**  
Setiausaha Pejabat (N29)  
JKKN Negeri Sembilan  
ke Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan  
12/04/2021

**Pn. Zalani Ab. Rahman**  
Setiausaha Pejabat (N29)  
JKKN Kelantan  
ke Jabatan Tenaga Kerja Kelantan  
12/04/2021  
(Tanggung sehingga 26/04/2021)

**En. Muhammad Azhari Mohd Amir**  
Pegawai Teknologi Maklumat (F41)  
JKKN Ibu Pejabat  
ke MAMPU  
22/03/2021

**En. Mokhtar Eisa**  
Penolong Jurutera (JA29)  
JKKN WPKL  
ke Pusat Sains Negara  
26/07/2021  
(Tanggung sehingga 09/08/2021)

**En. Fazzly Isma Abdullah**  
Pegawai Kebudayaan (B32 TBK1)  
JKKN Ibu Pejabat  
ke Istana Budaya  
01/10/2021

**En. Wan Din Wan Muhammad**  
Pegawai Kebudayaan (B48)  
JKKN Terengganu  
ke MOTAC  
04/10/2021

**Pn. Intan Yoshida Sharuddin**  
Pegawai Kebudayaan (B32)  
JKKN Ibu Pejabat  
ke MOTAC  
04/10/2021

## SENARAI PEGAWAI BERSARA WAJIB/PILIHAN

**En. Azanan bin Abdullah**  
Pembantu Operasi, N11  
12/01/2021 (Bersara Wajib)

**En. Nordin bin Ahmad**  
Artis Budaya, B19  
01/03/2021 (Bersara Pilihan)

**Pn. Mariam binti Sukarino**  
Pembantu Tadbir (Kew), W22  
20/05/2021 (Bersara Wajib)

**En. Hasbullah bin Mohd Ali**  
Pegawai Kebudayaan, B44  
03/08/2021 (Bersara Wajib)

## SENARAI PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA

**En. Hasryn Izzuddin bin Mohd Khairy**  
Pegawai Kebudayaan, B48  
01/01/2021

**En. Hazeme bin Said**  
Pegawai Kebudayaan, B29  
14/07/2021

## MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

MBJ JKKN BIL 1/2021  
22 FEBRUARI 2021  
BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 34  
& VC GOOGLE MEET

MBJ JKKN BIL 2/2021  
19 JULAI 2021  
VC GOOGLE MEET

MBJ JKKN BIL 3/2021  
21 OKTOBER 2021  
BILIK MESYUARAT UTAMA ARAS 34  
& VC GOOGLE MEET



- 100% Pelaksanaan MBJ 2021
- 100% Berjaya dimuat naik ke sistem Sub Modul MBJ HRMIS

## TAKLIMAT PENGURUSAN HUTANG DAN PENGURUSAN KEWANGAN BERSAMA AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

Taklimat Pengurusan Hutang dan Pengurusan Kewangan bertujuan membantu untuk menguruskan hutang dengan lebih cermat. AKPK merupakan sumber yang baik bagi rakyat Malaysia yang terbeban dengan hutang dan bimbang tidak dapat melunaskannya.

Taklimat di bawah inisiatif Unit Integriti ini telah melibatkan penyertaan 14 buah negeri dengan pelaksanaan mengikut zon sebanyak empat (4) kali iaitu Zon Utara, Tengah, Selatan dan Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Secara keseluruhannya taklimat ini memberi peluang untuk menambah pengetahuan berhubung pengurusan kewangan terutama ketika pandemik COVID-19 melanda negara dan dunia amnya.

BIL.	KURSUS	TARIKH	PESERTA
1	Taklimat Pengurusan Hutang dan Kewangan Bersama AKPK (Zon Utara)	22 April 2021	60 orang (secara dalam talian)
2	Taklimat Pengurusan Hutang dan Kewangan Bersama AKPK (Zon Tengah)	04 Mei 2021	44 orang (secara dalam talian)
3	Taklimat Pengurusan Hutang dan Kewangan Bersama AKPK (Zon Selatan)	05 Mei 2021	67 orang (secara dalam talian)
4	Taklimat Pengurusan Hutang dan Kewangan Bersama AKPK (Zon Pantai Timur, Sabah & Sarawak)	06 Mei 2021	127 orang (secara dalam talian)





## INTEGRITI

### LATIHAN PENGENALAN PELAKSANAAN MS ISO 37001:2016 DAN LATIHAN PENILAIAN RISIKO RASUAH BAGI MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS), JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 14 pada 19 April 2021 telah memutuskan sebagai salah satu usaha memperkasakan perkhidmatan awam, Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) bagi kementerian/ jabatan/ kerajaan negeri masing-masing.

Selaras dengan arahan tersebut, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dalam usaha ke arah pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS bagi memastikan imej positif jabatan tanpa rasuah. MS ISO 37001:2016 ABMS direka untuk membantu mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap kejadian rasuah. Piawaian ini juga meliputi kepatuhan terhadap undang-undang, peraturan dan komitmen setiap jabatan dalam membanteras berlakunya rasuah.

Penglibatan seramai 30 orang pegawai daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional yang melibatkan bahagian, cawangan, unit dan negeri ini adalah sebagai persiapan awal jabatan bagi membangunkan standard MS ISO 37001:2016 ABMS. Latihan yang dilangsungkan secara maya ini telah dilaksanakan pada 25-26 November 2021 dan 29-30 November 2021 dengan bimbingan konsultan daripada SIRIM STS Sdn. Bhd. iaitu Puan Saa'diah binti Enok.



## KOMUNIKASI KORPORAT

### PERTANDINGAN VIDEO PENDEK SENI BUDAYA DAN NILAI MURNI 2021

Pertandingan Video Pendek Seni Budaya dan Nilai Murni dengan lima (5) tema bulanan iaitu Hormat Menghormati (Mei), Adab (Jun), Tolong Menolong (Julai), Patriotik (Ogos) dan Sopan Santun (September) telah dilaksanakan pada bulan Mei sehingga September 2021.

Pertandingan ini merupakan inisiatif JKKN untuk menyemai dan memperkukuhkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan seni budaya serta menerapkan kefahaman mengenai amalan nilai-nilai murni yang merupakan budaya dalam kehidupan masyarakat. Mesej utama pertandingan ini adalah mengenai kepentingan nilai-nilai murni dalam usaha membentuk bangsa Malaysia yang mempunyai identiti jati diri yang unggul ke arah pembentukan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Secara keseluruhannya, JKKN telah menerima sebanyak 318 penyertaan iaitu 168 penyertaan secara individu dan 150 penyertaan berkumpulan dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 548 orang. Pertandingan ini telah disertai oleh pelbagai kaum yang terdiri daripada 457 orang Melayu, 21 orang Cina, 33 orang India serta 37 orang Bumiputera Sabah dan Sarawak.



### PENGHASILAN VIDEO PENDEK SENI BUDAYA DAN NILAI-NILAI MURNI 2021

Lima (5) video pendek seni budaya dan nilai murni yang menegenahkan lima (5) tema amalan nilai murni seperti integriti, bersangka baik, bersyukur, bertanggungjawab dan toleransi telah dihasilkan. Video ini merupakan sebahagian daripada inisiatif JKKN dalam mempelbagaikan kaedah penghasilan video pendek seni budaya dan nilai murni bagi tujuan pemasaran kempen amalan nilai-nilai murni pada tahun 2022.

Rakaman telah dijalankan pada bulan Ogos sehingga Oktober 2021 dengan penampilan beberapa artis dan selebriti tempatan seperti Datuk Ahmad Tarmimi Siregar, Fauziah Nawi, Shahrolnizam, Safura dan ramai lagi.

Hasil lima (5) rakaman video ini akan ditayangkan bermula awal Januari 2022 di semua saluran media sosial rasmi JKKN dan juga di saluran Awesome TV bagi menyemarakkan kempen nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.



# LAPORAN PENCAPAIAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN (KK)

## PENDAHULUAN

Sektor Kebudayaan dan Kesenian (Sektor KK) merupakan pelaksana fungsi JKKN sepenuhnya sebagai sebuah jabatan yang melaksanakan dan menyemarakkan program/aktiviti kebudayaan dan kesenian negara.

Di bawah Sektor KK, terdapat empat (4) bahagian yang menggalas tanggungjawab masing-masing untuk melunaskan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) program dan aktiviti bagi mencapai visi dan misi jabatan yang telah digariskan.

**01** BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA (PSB)


**02** BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA (BSB)

**03** BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK (PPA)

**04** BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA (PS&B)

Pelaksanaan program dan aktiviti di bawah Sektor KK dilaksanakan berdasarkan enam (6) teras strategik yang telah ditetapkan oleh jabatan. Bagi tahun 2021, pelaksanaan program dan aktiviti dilaksanakan berdasarkan asas penetapan berikut:

### Asas Penetapan Pelaksanaan Program dan Aktiviti Sektor Kebudayaan dan Kesenian Tahun 2021



Seterusnya, pencapaian KPI bagi Sektor KK sepanjang tahun 2021 ditunjukkan dalam rajah seperti berikut bagi KPI Berperuntukan dan KPI Tugas Hakiki di peringkat ibu pejabat dan JKKN negeri.

**RUMUSAN PERUNTUKAN JKKN DAN PENCAPAIAN KPI IBU PEJABAT & NEGERI SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN (KK) TAHUN 2021**



BAHAGIAN	JUMLAH PERUNTUKAN JKKN (RM)			KPI CAPAI	
	IBU PEJABAT	NEGERI	KESELURUHAN	IBU PEJABAT	NEGERI
PSB	105,500.00	490,000.00	595,500.00	6	42
BSB	187,000.00	371,000.00	558,000.00	5	33
PPA	80,900.00	122,500.00	203,400.00	2	14
PS&B	26,100.00	73,000.00	99,100.00	2	28
<b>JUMLAH</b>	<b>399,500.00</b>	<b>1,056,500.00</b>	<b>1,456,000.00</b>	<b>15</b>	<b>117</b>
				<b>132</b>	

**PERBANDINGAN PERUNTUKAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN (KK) TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**

BAHAGIAN	TAHUN 2019 (RM)		TAHUN 2020 (RM)		TAHUN 2021 (RM)	
	IBU PEJABAT	NEGERI	IBU PEJABAT	NEGERI	IBU PEJABAT	NEGERI
PSB	426,500.00	220,000.00	425,000.00	270,000.00	105,500.00	490,000.00
	646,500.00		695,000.00		595,500.00	
BSB	478,700.00	744,800.00	195,040.00	609,000.00	187,000.00	371,000.00
	1,223,500.00		804,040.00		558,000.00	
PPA	440,000.00	350,000.00	180,000.00	262,500.00	80,900.00	122,500.00
	790,000.00		442,500.00		203,400.00	
PS&B	440,000.00	350,000.00	180,000.00	262,500.00	80,900.00	122,500.00
	198,280.00		55,000.00		99,100.00	
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>2,858,280.00</b>		<b>1,996,540.00</b>		<b>1,456,000.00</b>	

**RUMUSAN KESELURUHAN PERUNTUKAN JKKN/MOTAC/AGENSI LUAR DAN PENCAPAIAN BEBANAN SEBENAR SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN (KK) TAHUN 2021**

BAHAGIAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)				KPI		
	JKKN		TAMBAHAN MOTAC/AGENSI LUAR	KESELURUHAN	IBU PEJABAT	NEGERI	TAMBAHAN MOTAC/AGENSI LUAR
	IBU PEJABAT	NEGERI					
PSB	105,500.00	518,000.00	2,198,940.00	2,822,440.00	6	42	32
BSB	187,000.00	371,000.00	1,414,720.00	1,972,720.00	5	33	30
PPA	80,900.00	122,500.00	239,000.00	442,400.00	2	14	4
PS&B	26,100.00	73,000.00	67,500.00	166,600.00	2	28	2
<b>JUMLAH</b>	<b>399,500.00</b>	<b>1,084,500.00</b>	<b>3,920,160.00</b>	<b>5,404,160.00</b>	<b>15</b>	<b>117</b>	<b>68</b>
					<b>200</b>		





## BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA (BSB)

### PROGRAM PEMANTAPAN KELAB BIMBINGAN SENI CEMERLANG (KBSC)

Program pemantapan KBSC 2021 dilaksanakan melalui aktiviti Penerbitan Kompilasi Muzik KBSC Siri 1 dan 2. Sebanyak 14 muzik KBSC dihasilkan menerusi naskah terbaik Kejuaraan Tari Kanak-Kanak Malaysia tahun 2018 dan 2019 dengan melibatkan sembilan (9) JKKN negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Perak, Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan.



### BENGKEL PENERBITAN MODUL KUMPULAN BIMBINGAN SENI CEMERLANG (KBSC) SIRI 2

Bengkel ini melibatkan koreografer yang terdiri daripada Artis Budaya JKKN negeri-negeri yang telah menghasilkan tujuh (7) karya Kreasi Baru semasa program Kejuaraan Tari Kanak-kanak tahun 2019. Bengkel ini menerangkan kepada peserta mengenai cara menggubal modul dan menyusun data mengikut format sedia ada. Program ini telah dilaksanakan pada 29 hingga 31 Oktober 2021 bertempat di Colmar Hotel, Pahang dengan penyertaan seramai 16 orang peserta. Penerbitan Modul ini akan digunakan sebagai bahan pembelajaran KBSC secara manual dan digital.



### PENERBITAN MODUL SENI BERBAHASA

Penerbitan Modul Seni Berbahasa merupakan cetakan pertama Modul Seni Berbahasa untuk kegunaan semua Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) bidang Seni Berbahasa di sekolah-sekolah di bawah program Kelab Tunas Budaya (KTB), Kelab Giat Budaya (KGB), Kelab Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) dan Pusat Bimbingan Seni Budaya (PuBSB) seluruh negara. Modul ini diterbitkan hasil kerjasama Bahagian Bimbingan Seni Budaya (BSB) JKKN bermula pada tahun 2016 bersama empat (4) orang penggubal modul iaitu Dr. Roshani binti Abdullah, Encik Mohd Fauzi bin Abdullah, Puan Zawiah binti Abdul Sukor dan Encik Hafiz bin Khamis.



### BENGKEL PENGGUBALAN SOALAN MODUL JURULATIH SENI BUDAYA NEGARA (JSBN) TARI TAHAP 1,2 & 3

Bengkel ini bertujuan menyediakan skema soalan ujian objektif dan subjektif serta membuat soalan bagi bidang tari Modul Tahap 1,2 & 3. Set soalan yang telah siap akan digunakan untuk peperiksaan semasa kursus JSBN. Penilaian peserta akan diadakan menerusi dua kaedah iaitu ujian objektif dan subjektif. Program yang telah diadakan pada 2-4 Mei 2021 bertempat di Bangi Resort Hotel, Bangi ini telah dijayakan dengan penyertaan seramai 15 orang fasilitator.



### BENGKEL PEMBANGUNAN SOALAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN JURULATIH SENI BUDAYA NEGARA (JSBN)

Pemurnian Soalan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) bagi persiapan ke arah pengwujudan Portal Bimbingan Seni Budaya (BSB) dan program Penilaian PBSB. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 8 -10 Oktober 2021 di Bangi Resort Hotel, Bangi dengan melibatkan semua fasilitator mengikut enam (6) bidang dalam program PBSB iaitu tari, muzik, teater, gasing, seni berbahasa dan silat. Seramai 20 orang peserta terdiri daripada kakitangan BSB dan penggiat seni terlibat dalam program ini.

## PROGRAM JOM BELAJAR DALAM TALIAN

Jom Belajar merupakan aktiviti mempelajari kemahiran seni budaya mengikut mana-mana enam (6) bidang modul Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) iaitu tari, teater, muzik, gasing, seni berbahasa, gasing dan silat. Melalui aktiviti ini, JSBN berpeluang untuk mempertingkatkan kemahiran diri serta dapat berkongsi ilmu kepada masyarakat melalui rakaman video yang berdurasi 5 hingga 10 minit. Setiap kelas pembelajaran Jom Belajar haruslah dipertontonkan kepada umum menerusi media sosial iaitu FB LIVE, IG LIVE serta membuat rakaman bagi tujuan dokumentasi. Pelaksanaan program ini melibatkan seluruh JKKN negeri bermula Mei hingga September 2021.



## PUSAT BIMBINGAN SENI BUDAYA (PuBSB) KOMUNITI ORANG ASLI

Aktiviti bimbingan seni budaya peringkat komuniti merupakan salah satu aktiviti di bawah program Pusat Bimbingan Seni Budaya yang memperuntukkan strategi kerjasama pintar bagi menyemarakkan dan merakyatkan kegiatan seni budaya. Pendekatan kerjasama pintar yang diwujudkan membolehkan kedua-dua pihak iaitu JKKN dan agensi di komuniti saling melengkapi di antara satu sama lain meliputi perkara-perkara berkaitan kejurulatihan, modul pembelajaran, tempat latihan dan juga kos. Program ini melibatkan 5 buah negeri iaitu Perak, Terengganu, Johor, Selangor dan Pahang dengan pelaksanaan program selama 6 bulan iaitu bermula Mac hingga September 2021.

## PEMANTAPAN KUMPULAN BIMBINGAN SENI CEMERLANG (KBSC)

Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) mula ditubuhkan pada tahun 2016 di bawah kelolaan JKKN negeri-negeri. Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 280 orang iaitu sebanyak 14 kumpulan daripada 14 JKKN negeri. KBSC merupakan kesinambungan daripada program Kelab Tunas Budaya dan Kelab Giat Budaya yang cemerlang dan terpilih dalam bidang seni tari di setiap negeri melibatkan campuran peserta/pelajar sekolah rendah dan menengah iaitu dalam lingkungan usia 7 hingga 17 tahun. Melalui program pemantapan ini, setiap JKKN negeri diberikan sejumlah peruntukan bagi penyediaan aksesori, kostum dan alas kaki. Secara kesimpulannya penubuhan KBSC adalah bagi melahirkan generasi muda yang cemerlang dalam bidang seni budaya, selain meningkatkan keyakinan dan jati diri pelajar serta mewujudkan kumpulan pelapis di masa hadapan.

## BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA (PSB)

### IFTAR 2021 @ RAMADAN ONLINE

- 24 April 2021 (Majlis Perasmian)
- 29 & 30 April 2021 (Siaran di Facebook JKKN TV)

Sempena bulan Ramadan 1442H, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah menganjurkan program Iftar 2021 @ Ramadan Online selaras dengan konsep norma baharu bagi penganjuran program dan aktiviti. Penganjuran Iftar 2021 @ Ramadan Online kali ini merupakan pelaksanaan konsep kerohanian dalam talian yang merangkumi pengisian aktiviti dan pertandingan yang dipertontonkan serta diikuti oleh seluruh masyarakat.

Program yang mendapat kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Cinta Seni Budaya (PERSIDAYA) ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri MOTAC pada 24 April 2021 bertempat di Media Hall Chersones, Maju Junction, Kuala Lumpur. Antara pengisian program adalah bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh selebriti seperti Zizi Kirana dan Sharifah Khasif. Bicara Ramadan oleh penceramah dari JAWI dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ceramah Ramadan oleh PU Azman, Tayangan Konsert Rohani, Pertandingan Nasyid & Marhaban Dalam Talian dan Laungan Azan oleh Dato' Jamal Abdillah.

Program yang mendapat penajaan daripada syarikat luar sebanyak RM6,000.00 untuk slot pertandingan ini telah disiarkan secara langsung melalui FB Page JKKN TV dengan 11,852 jumlah tontonan merangkumi 96 peratus domestik dan 4 peratus luar negara.

Negara	Jumlah Viewers
Malaysia	11,821
Indonesia	13
Singapura	10
Brunei Darussalam	1
Sweden	1
Amerika Syarikat	1
Mesir	1
Jerman	1
Arab Saudi	1
Australia	1
India	1

perincian pecahan khalayak: 11, 852



## PESTA ANGIN TIMUR PERLIS @ ONLINE

- 4 - 5 Jun 2021
- JKKN TV

Pesta Angin Timur Perlis (PAT) mengambil nama sempena peredaran musim daripada sejuk ke musim panas yang dibawa angin dari sebelah Timur ke Negeri Perlis. PAT 2021 merupakan kali ke-9 diadakan dan kali ini, majlis pelancaran telah disempurnakan secara bersama oleh YAB Menteri Besar Perlis dan YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Program ini telah mendapat kerjasama daripada Pejabat Menteri Besar Perlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Pejabat Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perlis, Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Perlis, Muzium Kota Kayang Perlis, Jabatan Pertanian Negeri Perlis, Jabatan Penyiaran Negeri Perlis, Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Perlis, Tourism Malaysia Wilayah Utara, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), MARA Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), BERNAMA Perlis, Telekom Malaysia, HPA Industries Sdn. Bhd. dan Hotel Seri Malaysia.

Pesta Angin Timur Perlis 2021 @ Online (PAT2021 @ Online) secara dalam talian susulan penularan wabak pandemik COVID-19. Antara pengisian program adalah Pertandingan Tarian Canggung, Konsert Anak Negeri, Persembahan Kebudayaan & Artis Tempatan, Demonstrasi Masakan Tempatan, Jualan Produk Tempatan, Ceramah Agama, Tazkirah Rohani, Persembahan Jikey dan Bengkel Pembuatan Wau Helang.

Program yang disiarkan di Facebook JKKN TV ini telah menerima sebanyak 110,100 viewers merangkumi 90 peratus domestik dan 10 peratus luar negara. Program ini juga telah mencatatkan jumlah hasil pendapatan sebanyak RM6,081.00 daripada hasil jualan produk usahawan tempatan seperti capal kulit, anyaman rotan, busana batik, pekasam daging dan puyuh, madu lebah, makanan kesihatan, jus kunyit dan lain-lain.

Berikut adalah perincian pecahan khalayak 110,100:



Negara	Jumlah Viewers
Malaysia	109,198
Indonesia	261
Singapura	204
Amerika Syarikat	121
Jepun	86
Thailand	86
Brunei Darussalam	28
United Kingdom	20
India	15
Australia	24
Perancis	48
Bangladesh	6
Korea Selatan	3

## FESTIVAL KESENIAN RAKYAT KELATE (FKRK) 2021

- 16 Julai 2021
- Siaran di Facebook JKKN TV

Festival Kesenian Rakyat Kelate (FKRK) 2021 dianjurkan dengan kerjasama Tourism Kelantan dan RTM Kelantan merupakan program yang memaparkan kekayaan seni dan budaya Kelantan di samping menghidupkan budaya Kelantan yang menjadi pegangan tradisi rakyat tempatan. Antara pengisian program yang menggunakan tagline "Maghi Pakat Kelih Belako" ini adalah Pergendangan Rebana Ubi Kelantan, Program Citarasa Kelate: Kuba Guling, Cabaran Tari Wau Bulan, Pertandingan Lagu Daerah Kelantan, Persembahan Makyung Ekstravaganza, Dikir Laba, Rebana Mangkok dan Tarian Wau Bulan.

FKRK 2021 telah dilaksanakan secara dalam talian susulan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Program ini telah mencatatkan jumlah viewers seramai 38,500 merangkumi 90 peratus domestik dan 10 peratus luar negara. Program ini juga telah mencatatkan sebanyak RM2,369.80 jumlah pendapatan daripada hasil jualan produk usahawan tempatan seperti busana dan aksesori serta makanan sejuk beku.

Negara	Jumlah Viewers
Malaysia	38,190
Indonesia	122
Singapura	81
Thailand	57
Mesir	13
United Kingdom	5
Arab Saudi	4
Netherlands	4
Amerika Syarikat	3
Sepanyol	3
Brunei Darussalam	5
Argentina	5
India	8



## FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA @ KUALA LUMPUR 2021

- 25 & 26 September 2021
- Siaran di Facebook JKKN TV

Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2021 adalah merupakan salah satu acara tahunan pelancongan budaya di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang mana ia telah dilaksanakan sebanyak 5 kali penganjurannya namun terhenti seketika pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19. Pada tahun 2021, ia kembali dilaksanakan dengan himpunan kekayaan dan keunikan seni permainan tradisional Malaysia melalui saluran media sosial JKKN TV.

Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2021 telah mendapat kerjasama daripada agensi dan persatuan seperti Tourism Malaysia, Kelab Sukan Tradisional Harmoni, Syarikat Guligeng, Persatuan Kabaddi Malaysia WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Jungle School Gombak Malaysia, Persatuan Gasing WP Kuala Lumpur, Persatuan Silat WP Kuala Lumpur, Persatuan Seni Silambam Maaveeran Malaysia dan Persatuan Wushu Malaysia.

Program ini telah menampilkan lebih 20 jenis permainan tradisional dan moden pelbagai kaum di Malaysia seperti Congkak, Batu Seremban, Tuju Selipar, Teng-teng, Lompat Getah dan Pukul Berapa Datuk Harimau. Terdapat juga pengisian lain seperti Demonstrasi & Tutorial Permainan Tradisional, Persembahan Kebudayaan dan Artis, Cabaran Tari Teng-teng, Pertandingan Jom Viral Permainan Tradisional, Pertandingan Seni Mempertahankan Diri *Online* (Silat, Wushu & Silambam) dan Tazkirah Rohani.

Program yang disiarkan di Facebook JKKN TV ini telah menerima sebanyak 14,100 tontonan merangkumi 95 peratus domestik dan 5 peratus luar negara.



Negara	Viewers
Malaysia	13,968
India	11
Indonesia	39
Pakistan	18
Singapura	13
Brunei Darussalam	7
Australia	8
Amerika Syarikat	9
Sri Lanka	6
Belgium	5
Nepal	5
Itali	1
Thailand	3
Hong Kong	3
Macau	1
Sri Lanka	1
United Kingdom	1
Puerto Rico	1

## FESTIVAL KOTA SELATAN 2021 @ ONLINE

- 8 - 9 Oktober 2021
- JKKN TV

Festival Kota Selatan menggabungkan kesenian dan kebudayaan tiga (3) negeri Zon Selatan Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program ini adalah landasan cerminan keutuhan seni dan budaya tradisi negeri-negeri Zon Selatan yang menjadi tarikan pelancong tempatan dan antarabangsa.

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Tourism Negeri Sembilan, Tourism Melaka, Tourism Johor, Persatuan Soka Gakkai Negeri Sembilan, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri Johor, Yayasan Warisan Johor, Hospital Gleeneagles Medini, Kelab Sukan Kecergasan Perdana Aerofit, Muzium Kota Lama, Kota Tinggi, Majlis Kebudayaan Mersing, ASWARA, Perbadanan Muzium Melaka, Kraftangan Malaysia Cawangan Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Antara pengisian program adalah Pertandingan Tarian Zapin, Pertandingan Nyanyian Lagu Asli, Pertandingan Nyanyian Loghat, Negeri Sembilan, Konsert Anak Negeri, Persembahan Artis Tempatan, Demonstrasi Masakan Tempatan, Jualan Produk Tempatan, Ceramah Agama, Tazkirah Rohani, Persembahan Kebudayaan, Bengkel Pembuatan Gasing dan Webinar Sejarah Hang Tuah.

Program ini telah mencatatkan jumlah tontonan seramai 38,500 merangkumi 95 peratus domestik dan 5 peratus luar negara. Jumlah keseluruhan pendapatan daripada hasil jualan produk usahawan tempatan seperti makanan tradisional serta busana dan kraf tradisional tempatan adalah sebanyak RM8,980.00.



Negara	Jumlah Viewers
Malaysia	38,113
Indonesia	140
Singapura	123
India	6
Thailand	8
Brunei Darussalam	23
Perancis	1
United Kingdom	1
Sweden	1
Sri Lanka	1
Australia	71
Laos	2
New Zealand	2
Jepun	2
Kazakhstan	2
Emiriah Arab Bersatu	1
Oman	1
Bangladesh	1
Amerika Syarikat	1



## RHYTHMS OF KINABALU@ONLINE 2021

- 23 – 24 Oktober 2021
- Siaran di Facebook JKKN TV

*Rhythms of Kinabalu@Online 2021* dilaksanakan untuk menyemarakkan dan memelihara seni tari dan muzik berteraskan komuniti negeri Sabah. Program ini dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KePKAS), Radio Televisyen Malaysia, Tourism Malaysia, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Sabah Tourism, Universiti Malaysia Sabah dan Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTIF).

*Rhythms of Kinabalu@Online 2021* telah dianjurkan sejak tahun 2011 sehingga 2017. Pada tahun 2021, program ini dihidupkan semula dalam suasana dan konsep yang baharu susulan penularan pandemik COVID-19. Program ini telah menyajikan pelbagai pengisian yang menarik seperti persembahan muzikal 'Musical Land Below The Wind' yang merangkumi persembahan nyanyian, tarian, koir, orkestra muzik, promosi produk seni budaya dan juga pelancongan negeri Sabah. *Rhythms of Kinabalu@Online 2021* telah mencatatkan 68,300 viewers merangkumi 90 peratus khalayak domestik dan 10 peratus luar negara.



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK (PPA)

### PROGRAM CITRA MALAYSIA

- Mac - Disember 2021
- Siaran di Facebook JKKN TV

Program Citra Malaysia yang merangkumi dua (2) program iaitu *Colours of Malaysia* dan *Senam Pagi*, merupakan salah satu usaha jabatan dalam memelihara seni dan budaya masyarakat Malaysia. Program yang mengetengahkan elemen keunikan dan kepelbagaian dalam kesenian dan kebudayaan Malaysia ini, dilaksanakan secara berkala oleh Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di Ibu Pejabat dan seluruh negeri.

Tahun 2021 adalah penganjuran tahun kedua yang dilaksanakan secara dalam talian sebagai salah satu usaha untuk membendung penularan wabak Covid-19. Program sebanyak 45 siaran yang mengetengahkan pelbagai tema ini telah berjaya dilaksanakan menerusi siaran secara langsung di saluran facebook myseni budaya JKKN dengan meraih jumlah tontonan maya sebanyak 66,613 penonton.



## BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA (PS&B)

### SYARAHAN BUDAYA NEGERI

Syarah Budaya Negeri dilaksanakan dalam bentuk syarahan berkaitan ilmu seni budaya dengan memberi penekanan kepada pengenalan dan pengamalan budaya tinggi serta penerapan ilmu seni budaya kepada masyarakat. Syarahan yang disampaikan oleh pengarah-pengarah JKKN negeri di Institusi Pendidikan Guru yang terpilih seluruh Malaysia ini melibatkan penyertaan keseluruhan khalayak seramai 755 orang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan kaum. Program ini telah dilaksanakan secara fizikal dan dirakam untuk tujuan siaran di FB JKKN negeri masing-masing. Rumusan keseluruhan untuk views sebanyak 3,918 likes 1,206 dan share 155.

<b>PERAK</b>	Penceramah : En. Abd Rashid Abdullah	Tajuk: <b>Pimpinan Melalui Tauladan Membentuk Keharmonian dalam Sesebuah Organisasi</b>
<b>SABAH</b>	Penceramah : En. Jasmi Rasit	Tajuk: <b>Cabaran Mempertahankan Seni Budaya Dalam Era Alaf Baru.</b>
<b>KEDAH</b>	Penceramah : Pn. Sabarina Masadi	Tajuk: <b>Arus Pembangunan Seni Budaya Melalui Norma Baru di Negeri Kedah</b>
<b>PAHANG</b>	Penceramah : Pn. Dayang Kartini Awang Bujang	Tajuk: <b>Pelancongan Budaya</b>
<b>PULAU PINANG</b>	Penceramah : En. Shapee Che Embi	Tajuk: <b>Cabaran Acara Kebudayaan Dalam Norma Baharu</b>
<b>PERLIS</b>	Penceramah : En. Samsuring Meli	Tajuk: <b>Memperkasakan Budi Mengangkat Jati Diri</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	Penceramah : En. Rahmat Hj. Md Noh	Tajuk: <b>Pengertian Budaya</b>
<b>JOHOR</b>	Penceramah : En. Mohd. Rizal Ismail	Tajuk: <b>Pantun: Pemikiran Aras Tinggi Masyarakat Melayu</b>
<b>SARAWAK</b>	Penceramah : Pn. Noor Seela Noor Sulaiman	Tajuk: <b>Seni dan Terapi : Mendepani Cabaran Pasca Pandemik</b>
<b>KELANTAN</b>	Penceramah : En. Rosnan Abdul Rahman	Tajuk: <b>Budaya Populer &amp; Media Baharu: Cabaran Penggiat Seni Kelantan</b>
<b>SELANGOR</b>	Penceramah : En. Mohamd Raizuli Mat Jusoh	Tajuk: <b>Penggiat Budaya Pemangkin Ekonomi Keluarga Malaysia</b>
<b>IBU PEJABAT</b>	Penceramah : En. Mohd. Sukarno Abdul Wahab	Tajuk: <b>Amalan Budaya Tinggi: Bagaimana Pola Berfikir Ilmuwan Sosiobudaya Dapat Membantu Pembangunan Negara Bangsa Disaat Pandemik Melanda</b>
<b>WPKL</b>	Penceramah : Pn. Nurwati @ Rahimah Abdul Wahab	Tajuk: <b>Budaya Kita Teras Identiti Negara</b>
<b>MELAKA</b>	Penceramah : Cik Ezlina Alias	Tajuk: <b>Kisah Budi "Manisnya Budi Dalam Kehidupan"</b>

### BUDI@SENI NEGERI

Program Budi@Seni Negeri di negeri-negeri disampaikan secara dalam talian oleh para panel jemputan yang mempunyai keupayaan dan berkualiti dalam bidang seni dan budaya. Penglibatan para pegawai JKKN sebagai pemudah cara merupakan salah satu inisiatif jabatan bagi memperkasa dan meningkatkan kemahiran pengucapan awam dalam kalangan pegawai kebudayaan. Jumlah keseluruhan views sebanyak 4,911, likes 25,246 dan share 285.

#### Senarai Pelaksanaan Program Budi@Seni Negeri Tahun 2021

<b>TERENGGANU</b>	Penceramah : Tn. Haji Rozali Embong	Tajuk: <b>Pengurusan NGO Seni Budaya Cemerlang</b>
<b>PERAK</b>	Penceramah : En. Azmi Ismail	Tajuk: <b>Bijak Kawal Emosi &amp; Tekanan - Impak Kebahagiaan Berterusan</b>
<b>JOHOR</b>	Penceramah : En. Margono Pajo	Tajuk: <b>Peranan Wayang Kulit Purwo Dalam Membentuk Keperibadian Masyarakat.</b>
<b>SABAH</b>	Penceramah : En. Suhaimi Magi	Tajuk: <b>Falsafah Seni Tari Dalam Kehidupan Masyarakat</b>
<b>KELANTAN</b>	Penceramah : Ustaz Wan Baharuddin Wan Mamat	Tajuk: <b>Seni Silat Mengikut Perspektif Islam</b>
<b>SELANGOR</b>	Penceramah : YBhg. Dato' Hj Burhanuddin Md Radzi	Tajuk: <b>Upin dan Ipin Ikon Kanak-kanak</b>
<b>KEDAH</b>	Penceramah : Cikgu Farah Viral	Tajuk: <b>Ketertiban &amp; Peradaban Nilai-nilai Murni di Alaf Baru</b>
<b>PULAU PINANG</b>	Penceramah : En. Mohd Zaidi Awang Kechik	Tajuk: <b>Budaya Kerja Profesional:, Rasional dan Emosional?</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	Penceramah : Cik Ezlina Alias	Tajuk: <b>Pantang Larang Masyarakat Melayu Lama, Komunikasi Generasi Kini...Relevan Atau Tidak?</b>
<b>PAHANG</b>	Penceramah : Prof. Dr. Jamal Izal Razali	Tajuk: <b>Loghat Pahang Bukan Sekadar Bahasa</b>
<b>PERLIS</b>	Penceramah : En. Salman Fadzri Zaharin	Tajuk: <b>Masyarakat Holistik Bermula daripada Lakonan</b>
<b>SARAWAK</b>	Penceramah : En. Sharkawi Amit	Tajuk: <b>Menyantuni Seni Budaya 7 Lapisan Khazanah Seni Sarawak</b>
<b>WPKL</b>	Penceramah : YBrs. En. Sukarno Abdul Wahab	Tajuk: <b>Nilai-Nilai Murni Dimanakah Kita?</b>
<b>IBU PEJABAT</b>	Penceramah : YBrs. Dr. Hazami Jahari	Tajuk: <b>Falsafah Gerak Dan Pantun Dalam Tarian Melayu</b>
<b>MELAKA</b>	Penceramah : Cik Ezlina Alias	Tajuk: <b>Pengkisahan Nilai-nilai Murni dan Budaya Nilai Tinggi berdasarkan Naskah Sejarah</b>

## INSENTIF SENI JKKN

Insentif Seni JKKN merupakan penjenamaan beberapa bentuk bantuan dan perkhidmatan sedia ada yang disediakan oleh JKKN kepada NGO dan penggiat seni budaya bagi menambah upaya mereka untuk melaksanakan program dan aktiviti seni budaya.

JKKN menawarkan empat (4) insentif kepada NGO dan penggiat seni di dalam membangun dan mengembangkan seni budaya. Berikut adalah insentif-insentif yang ditawarkan:

**Insentif Seni Kewangan** - Modal permulaan (seed money) untuk menampung sebahagian kos program dan aktiviti seni, budaya dan warisan. Pada tahun 2021 JKKN telah menerima sebanyak 118 permohonan dan hanya 58 permohonan yang telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM596,750.00.

**Insentif Seni Ruang** - Kebenaran penggunaan ruang di kompleks JKKN oleh NGO dan penggiat seni budaya bagi pelaksanaan program dan aktiviti seni budaya secara kerjasama tanpa dikenakan bayaran sewaan ruang. Sebanyak sembilan (9) NGO telah mendapat bantuan daripada insentif ruang pada tahun 2021.

**Insentif Seni Kepakaran** - Khidmat nasihat, tunjuk ajar dan panduan oleh pegawai dan Artis Budaya JKKN yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang seni budaya kepada NGO dan penggiat seni budaya.

**Insentif Seni Promosi** - Bantuan untuk menghebahkan dan mempromosikan produk dan program seni budaya anjuran NGO, penggiat seni, komuniti dan syarikat seni melalui medium digital dan media sosial JKKN.



# LAPORAN PENCAPAIAN SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN (DP)

## PENDAHULUAN

Sektor Dasar dan Perancangan (Sektor DP) berfungsi seperti berikut:

- Menyelaras pemantapan dasar-dasar seni budaya, menyemarakkan jaringan hubungan antarabangsa serta menyelidik dan memulihara seni budaya ketara & tidak ketara; dan
- Membangunkan produk seni budaya ke arah pembangunan industri kreatif bertaraf global dan merupakan pusat rujukan seni budaya.

Di bawah Sektor DP, terdapat dua (2) bahagian dan tiga (3) cawangan yang menggalas tanggungjawab masing-masing untuk melunaskan pelaksanaan petunjuk pencapaian utama (KPI) program dan aktiviti bagi mencapai visi dan misi jabatan.

### 1. Bahagian Dasar dan Penyelidikan (D&P)


- 1.1. Cawangan Perancangan dan Penyelarasan Dasar (D)
- 1.2. Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan (P)

### 2. Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya (PPSB)

### 3. Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan (CDP)

Pelaksanaan program dan aktiviti di bawah Sektor DP berdasarkan enam (6) teras strategik yang telah ditetapkan oleh jabatan. Bagi tahun 2021, pelaksanaan program dan aktiviti berdasarkan lapan (8) asas penetapan seperti berikut:

### Asas Penetapan Pelaksanaan Program dan Aktiviti Sektor Dasar dan Perancangan Tahun 2021



## RUMUSAN KESELURUHAN PERUNTUKAN JKKN, MOTAC/AGENSI LUAR DAN PENCAPAIAN BEBANAN SEBENAR SEKTOR DASAR & PERANCANGAN (DP) TAHUN 2021

		JUMLAH PERUNTUKAN JKKN		JUMLAH KPI	
		RM 1,587,528.31		89	
BAHAGIAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)			KPI	
	IBU PEJABAT	NEGERI	TAMBAHAN MOTAC/AGENSI LUAR	IBU PEJABAT	NEGERI
D&P (D)	54,000.00	70,000.00	0.00	4	14
D&P (P)	160,000.00	162,000.00	370,000.00	7	32
PPSB	98,000.00	35,000.00	56,000.00	7	14
CDP	202,528.31	0.00	380,000.00	11	0
<b>JUMLAH</b>	<b>514,528.31</b>	<b>267,000.00</b>	<b>806,000.00</b>	<b>29</b>	<b>60</b>
				<b>89</b>	

### PERBANDINGAN PERUNTUKAN SEKTOR DASAR & PERANCANGAN (DP) TAHUN 2019, 2020 DAN 2021

BAHAGIAN	TAHUN 2019 (RM)		TAHUN 2020 (RM)		TAHUN 2021 (RM)	
	IBU PEJABAT	NEGERI	IBU PEJABAT	NEGERI	IBU PEJABAT	NEGERI
D&P (D)	2,301,416.00	0.00	45,400.00	98,000.00	54,000.00	70,000.00
	<b>2,301,416.00</b>		<b>143,400.00</b>		<b>124,000.00</b>	
D&P (P)	810,826.00	195,360.00	230,706.00	169,500.00	530,000.00	162,000.00
	<b>1,006,186</b>		<b>400,206.00</b>		<b>692,000.00</b>	
PPSB	36,000.00	200,000.00	30,000.00	35,000.00	154,000.00	35,000.00
	<b>236,000.00</b>		<b>65,000.00</b>		<b>189,000.00</b>	
CDP	276,915.00	25,000.00	107,824.00	0.00	582,528.31	0.00
	<b>301,915.00</b>		<b>107,824.00</b>		<b>582,528.31</b>	
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>3,425,157.00</b>	<b>420,360</b>	<b>413,930.00</b>	<b>302,500.00</b>	<b>1,320,528.31</b>	<b>267,000.00</b>
	<b>3,845,517.00</b>		<b>716,430.00</b>		<b>1,587,528.31</b>	



## CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN

### PROGRAM INTELEK SENI

Program Intelek Seni adalah program ilmiah yang menjadi sebahagian daripada medium kepada JKKN menyebarkan ilmu berkaitan seni budaya merangkumi usaha jabatan dalam pemeliharaan dan pembangunan seni serta warisan negara. Program yang mula dilaksanakan pada tahun 2018 telah menampilkan panel pakar dalam pelbagai bidang untuk mengupas isu-isu berkaitan seni budaya daripada pandangan dan kajian intelektual.

Intelek Seni 2021 telah memfokuskan kepada aspek adat yang merupakan warisan tidak ketara masyarakat di Malaysia. JKKN Ibu Pejabat telah memilih Budaya, Adat dan Tradisi sebagai tajuk perbincangan dengan perkongsian daripada Encik Zamre bin Abu Hassan, Pensyarah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya sebagai panel yang mengupas mengenai kepentingan untuk masyarakat hari ini mempertahankan adat sebagai satu warisan kerana ia adalah refleksi kepada identiti bangsa. Generasi moden yang terdedah kepada kemajuan teknologi hari ini hampir tidak mengenali adat dan budaya masing-masing. Hal ini merupakan satu kerugian kerana adat-adat yang diwujudkan oleh generasi terdahulu mempunyai nilai tinggi dalam membentuk sahsiah dan jati diri. Moderator bagi program ini ialah Puan Ruhani Mamat, Pengarah Bahagian Bimbingan Seni Budaya, JKKN Ibu Pejabat.

Rakaman Intelek Seni ini telah dimuat naik di FB Page JKKN sejak September 2021 dan mencecah 821 views dengan 80 likes. Pelaksanaan di peringkat JKKN Negeri-negeri juga mengetengahkan kupasan mengenai adat di negeri-negeri oleh para panel jemputan yang mempunyai kepakaran dalam adat tempatan negeri. Sebanyak 11,277 views telah dicapai menerusi perkongsian rakaman di media sosial dengan jumlah likes sebanyak 968.



## PROGRAM BICARA DIPLOMASI BUDAYA (CULTURAL DIPLOMACY TALK)

Program yang telah berlangsung melalui kaedah rakaman pada 11 Oktober 2021 di Green Screen Studio, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) ini merupakan salah satu medium perkongsian ilmu berkaitan seni budaya dan gambaran mengenai latar belakang, politik, ekonomi serta sosial masyarakat setempat. Perkongsian ilmu ini mampu menyerlahkan keberadaan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan seni budaya warisan yang unik dan seterusnya membina potensi kolaborasi bersama organisasi daripada pelbagai negara. Program ini telah melibatkan perkongsian ilmu oleh dua (2) orang panel iaitu:

- (i) YBrs. Prof. Abdul Jamal Abdul Hamid yang merupakan seorang Perunding Muzik dengan tajuk *Music Cottage Industry - Creativity versus Commerce*; dan
- (ii) Puan Savita Saigal yang merupakan seorang Perunding Guaman Antarabangsa dengan tajuk *The Role of Cultural Diplomacy in Nation Branding*

Video berdurasi selama 20 hingga 30 minit dalam versi Bahasa Inggeris yang dilengkapi dengan sari kata Bahasa Melayu ini telah dimuat naik ke platform media sosial rasmi JKKN pada 4 dan 11 Mac 2022. Penggunaan saluran media sosial yang mencatatkan jumlah views sebanyak 1,378 merupakan pendekatan baharu bagi perkongsian ilmu seni budaya yang lebih berkesan daripada segi capaian dan impak yang lebih menyeluruh kepada masyarakat.



## BUKU PELAN STRATEGIK JKKN 2021-2025

Penerbitan Buku Pelan Strategik JKKN 2021-2025 yang diselenggarakan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan JKKN merupakan 'blueprint' yang menjadi bahan rujukan utama jabatan dalam menentukan hala tuju jabatan dalam tempoh yang telah disasarkan. Bagi mencapai visi dan misi jabatan, sebanyak 44 pelan tindakan telah dirangka dalam tempoh lima (5) tahun selari dengan enam (6) teras strategik dan 24 strategi melalui dua (2) fasa iaitu jangka pendek dan jangka sederhana. Segala perancangan yang telah digariskan ini diharap dapat memberi rujukan yang jelas bagi merealisasikan aspirasi jabatan untuk mencapai impak positif serta menyeluruh di semua peringkat masyarakat demi pembangunan seni budaya negara.



## CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN

### PANGGUNG SENI TRADISIONAL (PST)

#### PENGENALAN

Panggung Seni Tradisional (PST) merupakan medium persembahan kesenian tradisional Malaysia yang autentik dan klasik. Ia dilaksanakan secara berjadual di Kuala Lumpur sejak tahun 2013 yang bertujuan memberi peluang kepada pelancong dan peminat kesenian tradisional tempatan untuk menyaksikan persembahan kesenian tradisional di samping memupuk minat dan cintakan seni. Untuk rekod, sejak mula dilaksanakan pada tahun 2013 hingga 2021, program ini telah mementaskan 51 kesenian tradisional yang merangkumi tiga (3) genre iaitu tari, muzik dan teater, melibatkan 101 kumpulan kesenian dan 2,526 orang peserta.

Beberapa kumpulan dan seni persembahan di bawah Program Perantisan turut diberi peluang untuk membuat persembahan, namun ia mestilah sebuah persembahan yang mempunyai struktur persembahan yang lengkap dan mampu untuk diketengahkan di pentas perdana (Kuala Lumpur). Antaranya ialah Kumpulan Makyung Kijang Emas (Makyung), Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah; AKRAB Kedah (Mek Mulung), Kumpulan Menora Sri Timur (Menora), Persatuan Seni Tradisional Setia Jaya, Kampung Nesam, Perlis (Jikey) dan Kumpulan Boria Angkatan Budayasari, Pulau Pinang (Boria).

#### OBJEKTIF



## Senarai Panggung Seni Tradisional (PST) 2021

TARIKH RAKAMAN	GENRE PERSEBAHAN & KUMPULAN	CATATAN	TARIKH TAYANGAN
01 & 02 Oktober	Tari Warisan Borneo <b>'Rumpun Borneo'</b> Kump: Pers. Kesenian Tradisi Borneo	<b>Ketua/Penyelaras:</b> Encik Muhammad Yunus Zainalabidin <b>Pengarah Persembahan:</b> Encik Ramlan Ramli	12 November
08 & 09 Oktober	Irama Tanah Selatan <b>'Pentas Ghazal'</b> Kump: Jemaah Ghazal Kuala Lumpur, Persatuan Ghazal Johor Malaysia (Ghajmas)	<b>Ketua/Penyelaras:</b> Dr. Kamarulzaman Karim <b>Pengarah Persembahan:</b> Rojer/Kajol	13 November
15 & 16 Oktober	Kesenian Tradisional Cina <b>'Anggun... The Timeless Journey'</b> Kump: <i>Todern Dance Theatre</i>	<b>Ketua/Penyelaras:</b> Cik Wong Chi Ying <b>Pengarah Persembahan:</b> Encik Wong Kit Yaw	19 November
22 & 23 Oktober	Himpunan Tarian Tradisional India <b>'Suasana'</b> Kump: Fakulti Tari, Aswara	<b>Ketua/Penyelaras:</b> Puan Norsafini Jafar <b>Pengarah Persembahan:</b> Encik Mohd Yunus Ismail	20 November
29 & 30 Oktober	Tari Rampaian Tradisional Melayu <b>'Lenggang Berangkai Lengkok Bertandak'</b> Kump: JKKPS, DBKL	<b>Ketua/Penyelaras:</b> En. Nazam Harun <b>Pengarah Persembahan:</b> En. Mohamed Fauzi Hj. Ahmad	26 November

## Analisis Statistik Tayangan PST 2021

Genre/Tajuk	Tarikh Tayangan	Likes	Komen	Shares	Views	Impressions	Engagement	Reached	Keseluruhan
Rumpun Borneo	12 Nov 2021	95	78	44	888	1,900	770	1,789	<b>5,564</b>
Pentas Ghazal	13 Nov 2021	160	337	100	2,600	5,200	5,352	4,869	<b>18,618</b>
Anggun...The Timeless Journey	19 Nov 2021	143	145	63	1,300	3,100	2,016	2,959	<b>9,726</b>
Suasana	20 Nov 2021	97	152	60	954	1,900	1,961	1,823	<b>6,947</b>
Lenggang Berangkai Lengkok Bertandak	26 Nov 2021	75	34	44	1,000	3,100	373	2,800	<b>7,426</b>
JUMLAH KESELURUHAN		570	746	311	6,742	15,200	10,472	14,240	<b>48,281</b>

## PEMETAAN BUDAYA (CULTURAL MAPPING)

Portal Pemetaan Budaya (*Cultural Mapping*) merupakan gerbang informasi budaya di Malaysia yang merangkumi kategori seni persembahan, permainan tradisional, adat resam, makanan tradisional, prasarana seni, busana tradisional, maklumat tokoh dan penggiat seni serta direktori NGO seni budaya.



Portal ini diwujudkan sebagai platform perkongsian maklumat dalam usaha mendidik masyarakat untuk lebih mengenali dan memahami seni dan budaya tempatan selain menjadi sumber rujukan yang mudah diakses sesuai dengan perkembangan semasa. Pada tahun 2017, program ini telah diangkat sebagai salah satu Inisiatif Transformasi Perkhidmatan Awam JPA.



Pada tahun 2021, sebanyak RM120,000.00 diperuntukkan di bawah Projek Pemerkaaan Sektor Kebudayaan MOTAC bagi tambahan tapak melibatkan kategori Prasarana Seni (tambah baik), Perayaan di Malaysia, Perubatan Tradisional dan lain-lain pautan seperti *ichLinks*, *ASEAN Cultural Heritage Digital Archive*, *video 360* dan sebagainya. Selain itu, JKKN juga telah menambah 27 video permainan tradisional/rakyat, 44 artikel dan gambar pegun busana tradisional Sabah dan Sarawak serta 17 artikel perubatan tradisional. Selain itu, sebanyak 144 artikel juga telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris.



## FESTIVAL SENI HIDUP @ LIVING ARTS CULTURAL FESTIVAL 2021

Festival Seni Hidup @ Living Arts Cultural Festival mengetengahkan kesenian yang telah diiktiraf oleh UNESCO, Warisan Kebangsaan dan kesenian yang hampir pupus. Program ini bertujuan untuk mengangkat dan memartabatkan serta menjadi pencetus kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan seni budaya yang unik dan autentik.

Pada tahun 2021, LACF mengetengahkan warisan tidak ketara daripada 15 negara iaitu Malaysia, Australia, Cambodia, People's Republic of China, Filipina, Kanada, Indonesia, Republic of Korea, Mexico, Perancis, Lao PDR, Sri Lanka, Thailand, Turki dan Viet Nam dengan penyertaan baharu 9 negara termasuk Malaysia. LACF boleh disaksikan melalui [www.cloudtheatre.com](http://www.cloudtheatre.com), Facebook JKK TV dan LACF serta zoom.

Sebanyak 10 program telah disusun melibatkan pengisian persembahan, pencungkilan bakat, demonstrasi masakan, segmen usahawan, webinar, Intelek Seni, bengkel, kisah kejayaan, galeri maya dan dokumentari permainan tradisional, Wangkang dan seni mempertahankan diri Ssrieum daripada Republic of Korea.

Jumlah keseluruhan tontonan khlayak maya bagi LACF 2021 adalah sebanyak 110,493 tontotan merangkumi 107,232 tempatan dan 3,261 luar negara. Jumlah like adalah sebanyak 24,814 dan jumlah share adalah 4,129. Program ini juga telah disertai oleh seramai 1,279 peserta dalam aktiviti pencungkilan bakat, persembahan, segmen usahawan, bengkel, webinar dan galeri maya. Program ditonton negara Malaysia, Singapura, Indonesia, Mexico, Australia, UK, Thailand, Brunei Darussalam, USA, India, Jepun, Viet Nam, UAE, Kanada, Sweden, Jerman, Hong Kong, People's Republic of China, Republic of Korea, Oman, Pakistan, Saudi Arabia, Ireland, Tanzania, Bangladesh, Kemboja, India, Filipina, Algeria, Lebanon, Turki dan Perancis.



## PROGRAM PERANTISAN SENI

Program Perantisan Seni bertujuan memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional bagi melahirkan pewaris dan pelapis dalam kesenian tradisional. Perantisan Seni adalah program berbentuk latihan dan pembelajaran kemahiran kesenian tradisional yang didasarkan. Program ini dilaksanakan mengikut komuniti asal seni, dan dibimbing oleh penggiat serta tokoh yang diperantiskan. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2009 melalui pewujudan kumpulan pelapis yang mampu menguasai segala aspek kesenian tradisional yang dipilih. Sehingga tahun 2021, 96 kumpulan perantisan dengan 75 kesenian telah mendapat bimbingan dengan penyertaan seramai 277 orang perantis serta 24 orang tokoh dan penggiat.

Memandangkan pandemik COVID-19 yang melanda dunia, Program Perantisan Seni 2021 dilaksanakan secara hibrid di mana peserta dibimbing dalam talian dan juga fizikal mengikut keperluan dan kebenaran serta Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan. Berikut merupakan pelaksanaan Perantisan Seni yang dilaksanakan pada tahun 2021 dengan tambahan lapan (8) kumpulan dan kesenian baharu:

BIL.	NEGERI	KESENIAN	KUMPULAN PERANTISAN	PESERTA	TOKOH/ JURULATIH
1.	Perlis	Muzik Terinai	Kumpulan Perantisan Terinai Perlis	15	<ul style="list-style-type: none"> <li>Encik Amil bin Senapi (Tokoh)</li> <li>Encik Megat Mohd Noor bin Megat Teh</li> <li>Encik Anuar bin Ali</li> </ul>
2.	Kedah	Wayang Kulit Gedek	Kumpulan Perantisan Wayang Kulit Warisan	7	<ul style="list-style-type: none"> <li>Encik Azhar bin Ruslan (Jurulatih Dalang)</li> <li>Encik Abdul Wafey bin Wizad (Jurulatih Muzik)</li> </ul>
3.	Pulau Pinang	Boneka Batang Besi Teochew	Kumpulan Perantisan Boneka Teochew (Teochew Puppet Opera House)	7	Puan Goh Hooi Ling (Pakar Rujuk/Jurulatih)
4.	Perak	Gendang Panjang	Kumpulan Perantisan Muzik Gendang Panjang	14	<ul style="list-style-type: none"> <li>Encik Prawat a/l Din Chee Ron (Tokoh)</li> <li>Encik Wong Kim Lai (Jurulatih)</li> </ul>
5.	Johor	Hamdolak	Kumpulan Perantisan Hamdolak	19	Encik Mohd Aidil bin Mohd Diah (Pakar Rujuk/Jurulatih)
6.	Melaka	Puisi Rejang	Kumpulan Perantisan Rejang	20	Puan Norliza binti Md Yamin (Pakar Rujuk & Jurulatih)
7.	Negeri Sembilan	Dikir Rebana	Kumpulan Perantisan Dikir Rebana Negeri Sembilan	31	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuan Haji Muhammad Yunus bin Ibrahim (Tokoh)</li> <li>Encik Mohd Yunus bin Mohd Salleh (Jurulatih)</li> </ul>
8.	Selangor	Gambus Selangor	Kumpulan Perantisan Gambus Brainy Bunch Islamic International School	50	Encik Zulhafiz bin Zulkifli (Jurulatih)
9.	WPKL	Dhol	Kumpulan Perantisan Dhol (Alliance Dhol)	12	<ul style="list-style-type: none"> <li>Encik Ravinder Jit Singh (Ketua Jurulatih)</li> <li>Encik Avider Singh a/l Manjit Singh (Jurulatih)</li> </ul>
10.	Pahang	Gamelan (Tari)	Kumpulan Perantisan Gamelan Pertubuhan Sanggar Tunas Seni Kuantan	21	Encik Badarzman bin Jusoh@Harun (Pakar Rujuk/Jurulatih)
11.	Terengganu	Anak Umbang	Kumpulan Perantisan Anak Umbang Terengganu	13	<ul style="list-style-type: none"> <li>Puan Che Wan Noorsaidi binti CW Abd Rahman (Tokoh)</li> <li>Encik Khairuddin Hanippah (Jurulatih)</li> </ul>
12.	Kelantan	Rebana Mangkuk	Kumpulan Rebana Mangkuk Sri Kemahang	11	<ul style="list-style-type: none"> <li>Encik Yusof Yaacob (Tokoh)</li> <li>Encik Mohamad Sanusi bin Dollah (Jurulatih)</li> </ul>
14.	Sarawak	Gendang Burdah	Kumpulan Perantisan Gendang Burdah Sinar Budaya Sri Aman	16	<ul style="list-style-type: none"> <li>Puan Radiah binti Tahir (Tokoh)</li> <li>Cik Emmy Zulaikha binti Said (Jurulatih)</li> </ul>
13.	Sabah	Kesenian Etnik Dusun Labuk – Magalai Labuk	Kumpulan Perantisan Kesenian Dusun Labuk	41	<ul style="list-style-type: none"> <li>Puan Marthina binti Udus (Ketua Jurulatih)</li> <li>Cik Sheryvia Mujis (Jurulatih)</li> </ul>

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA

### JKKN - BADAN PENERAJU INDUSTRI (INDUSTRY LEAD BODY - ILB) SENI BUDAYA

JKKN merupakan Badan Peneraju Industri - *Industry Lead Body* (ILB) Seni Budaya lantikan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang bertanggungjawab dalam memperkasakan kemahiran seni budaya merangkumi bidang tari, teater, muzik dan pengurusan pentas. Pelaksanaan aktiviti JKKN sebagai ILB Seni Budaya bagi tahun 2021 adalah melalui program Persijilan Kemahiran Malaysia Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) secara Portfolio dan Penilaian Amali kepada 149 orang calon dan dilaksanakan secara kerjasama strategik bersama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang bertindak sebagai Pusat Penilaian Amali bagi penilaian 30 calon ILB Seni Budaya menerusi dalam talian dan secara

Selain itu, JKKN turut melaksanakan Bengkel Pemahaman Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan secara dalam talian bagi memberi pemahaman kepada calon SKM-PPT ILB Seni Budaya berhubung Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan berdasarkan kompetensi bidang tari/teater/muzik/pengurusan pentas dengan jumlah penyertaan seramai 107 orang peserta.



PERMOHONAN SKM-PPT BIDANG SENI BUDAYA (PORTFOLIO / PENILAIAN AMALI)	JUMLAH
Tarian Tradisional	67
Seni Lakon Teater	28
Muzik Tradisional / Ritma Berkumpulan / Nyanyian	31
Operasi Produksi Pentas	23
<b>JUMLAH</b>	<b>149 Calon</b>

### PROGRAM KEUSAHAWANAN SENI BUDAYA

- Jun - November 2021
- Laman Sosial Media (FB JKKN, JKKN TV, Cloudtheatre.com)

Program keusahawanan seni budaya bertujuan memberi galakan kepada para usahawan seni budaya dalam menjana pendapatan, antaranya adalah program Makmal Keusahawanan Seni Budaya (MAUS) yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran serta teknik berkesan dalam aktiviti jualan dan pemasaran melalui platform digital. Program ini juga bertujuan membantu usahawan seni budaya menghadapi cabaran perubahan kehidupan norma baharu dan lebih berdaya saing. Webinar MAUS telah dilaksanakan sebanyak dua (2) siri dengan jumlah penyertaan 743 orang peserta bagi MAUS Siri 1 dan 2 serta pelaksanaan Webinar MAUS di 14 buah negeri.

Pelaksanaan Bengkel Keusahawanan Seni Budaya secara dalam talian melibatkan penyertaan 24 orang usahawan daripada 14 buah negeri memberi fokus kepada pementapan usahawan seni budaya dalam aspek pemasaran digital, jualan produk dan pengurusan kewangan.

Video Success Story lima (5) orang Usahawan Seni Budaya memfokuskan kepada kisah kejayaan dan pencapaian usahawan seni budaya (bidang tari, teater, muzik) bagi memberi inspirasi kepada penggiat seni budaya sebagai usahawan seni budaya hasil daripada pelaksanaan program keusahawanan dan JKKN amnya. Seramai lima (5) orang usahawan telah terlibat iaitu Encik Abishegam Thiyaga Dass (Unique Arts Academy), Encik Khairulazhar Mohtar (Nyala Dance Theatre), Encik Mohd Sulhie Yusuf (Akademi Arjunasukma), Puan Tini Tyrani (Tini Tyrani Event Management) dan Encik Wong Kit Yaw (The Performing Arts of Todern).



## CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN

Dalam usaha menjadikan Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan (CDP) sebagai pusat pendokumentasian bahan seni budaya seiring dengan transformasi digital, program Pendigitalan Bahan-bahan Penerbitan JKKN daripada penerbitan fizikal ke e-Book dan e-Penerbitan telah dilaksanakan melibatkan 194 bahan jualan, bukan jualan dan pusat sumber untuk dimuat naik ke Sistem Dokumentasi Digital Neucanvas yang telah memulakan pelaksanaannya pada Disember 2020. Tahun 2021, CDP turut melaksanakan proses migrasi bahan dokumentasi sedia ada ke Sistem Dokumentasi Digital Neucanvas iaitu merupakan sistem arkib/storan bahan secara digital/maya yang boleh diakses oleh semua masyarakat secara dalam talian bermula tahun 2022.

Selain pendokumentasian, sebanyak empat (4) buah penerbitan pada tahun 2021 iaitu buku Laporan Prestasi JKKN Tahun 2020, Citra Budaya Bil. 1&2 Tahun 2021, Gambus: Sejarah, Instrumentasi dan Gaya Permainan di Johor dan Pantun Poket berjaya diterbitkan. Bagi penerbitan secara e-book pula, CDP telah memuat naik 86 bahan e-book menerusi web <https://issuu.com/jkkn.gov> bagi penerbitan buku percuma secara elektronik.

Manakala melalui aktiviti Pusat Sumber Seni Budaya (PSSB), sebanyak dua (2) kursus telah dilaksanakan iaitu Kursus Pengurusan Perpustakaan dan Sistem KOHA yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman khususnya kepada pegawai-pegawai JKKN dalam pengurusan Pusat Sumber dan Sistem KOHA. Pencarian bahan boleh diperolehi menerusi sistem pengkatalogan dalam talian dengan melayari [www.jkkn.koha.my](http://www.jkkn.koha.my).



## PROJEK ULUNG CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN TAHUN 2021

### PROJEK PENERBITAN BUKU AUGMENTED REALITY (AR): INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE UNESCO


#### MEK MULUNG & SONGKET

Penerbitan Buku *Augmented Reality (AR): Intangible Cultural Heritage UNESCO: Mek Mulung: "Bangkitnya Warisan Turun-temurun" dan Songket: "Keindahan Kain Tenun Songket Malaysia"* merupakan projek yang bertujuan memelihara dan memulihara kelestarian Warisan Seni Tidak Ketara. Ia diterbitkan dengan menggabungkan bahan ilmiah (hasil kajian) dengan penggunaan teknologi *Augmented Reality (AR)* sebagai medium penyampaian maklumat kepada masyarakat selaras dengan transformasi digital perkhidmatan awam.

Projek penerbitan ini juga merupakan sokongan kepada usaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam mengangkat kesenian Mek Mulung dan Songket untuk mendapatkan pengiktirafan di peringkat UNESCO.


#### MEK MULUNG

Penerbitan buku Mek Mulung: "Bangkitnya Warisan Turun-temurun" merupakan terbitan JKKN dengan kerjasama Dr. Nur Izzati Jamaluddin, Pensyarah Kanan di Fakulti Muzik UiTM. Skop pengkajian penerbitan memberi fokus kepada kepentingan dan analisis muzik Mek Mulung berdasarkan transkripsi lagu, aspek persembahan, perkembangan semasa dan juga kepentingan pemuliharaan serta aktiviti pelestarian. Penerbitan buku ini bersekali dengan penerbitan audio CD lagu-lagu Mek Mulung yang melibatkan tokoh-tokoh Mek Mulung Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah di bawah bimbingan Encik Mohd Yazid Zakaria yang dibantu oleh Encik Syamsul Zin dan Encik Ku Zahir Ku Ahmad (Orkestra Tradisional Malaysia, Istana Budaya).



#### SONGKET

Penerbitan buku Songket – "Keindahan Kain Tenun Songket Malaysia" adalah hasil kajian dan penulisan Prof. Dr. Norwani Md. Nawawi, pakar rujuk songket Malaysia dengan sokongan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Skop pengkajian penerbitan adalah merangkumi susur galur dan sejarah tenunan serta keindahan rekaan-rekaan songket bermotif tradisional dan kontemporari. Penyelidikan telah dijalankan di beberapa buah negeri di semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Melaka, Pahang, Johor dan Sarawak.



## JUALAN BAHAN PENERBITAN



## JUALAN BAHAN PENERBITAN JKKN NEGERI

PERLIS	RM415.00	MELAKA	RM00.00
KEDAH	RM48.70	JOHOR	RM10.00
PULAU PINANG	RM0.00	PAHANG	RM480.00
PERAK	RM0.00	KELANTAN	RM1,011.50
SELANGOR	RM00.00	TERENGGANU	RM10.00
KUALA LUMPUR	RM58.00	SARAWAK	RM1,904.00
N. SEMBILAN	RM0.00	SABAH	RM519.00


**RM4,456.20**

## PEROLEHAN KOLEKSI BAHAN BACAAN PUSAT SUMBER SENI BUDAYA (PSSB)


PSSB telah membuat perolehan baharu sebanyak 12 judul/281 naskah dengan nilai keseluruhan perolehan sebanyak RM13,639.24. Daripada keseluruhan perolehan, sebanyak 2 judul/148 naskah buku Bahasa Inggeris manakala 10 judul /133 naskah merupakan buku Bahasa Melayu. Perolehan bahan bacaan ini bagi kegunaan PSSB JKKN Ibu Pejabat dan negeri-negeri dalam usaha memantap, menambah dan mempelbagaikan genre koleksi rujukan terutamanya dalam subjek seni dan budaya.

Pengarang : Panel Penulis The Patriots Penerbit : Patriots Publication	Kitab Tamadun Melayu	Kuantiti: 15
Pengarang : Ibnu Ibrahim At Tawari Penerbit : Karya Publika	Misteri Taming Sari	Kuantiti: 15
Pengarang : - Penerbit : UPM	Hang Tuah Catatan Vijayanagara	Kuantiti: 15
Pengarang : Hashim Musa Rohaidah Kamaruddin Penerbit : UPM	Hang Tuah Catatan Okinawa	Kuantiti: 15
Pengarang : - Penerbit : Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA)	Silat Hang Tuah	Kuantiti: 15
Pengarang : - Penerbit : Institut Warisan Melaka	Busana Melayu Serumpun	Kuantiti: 8
Pengarang : - Penerbit : Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)	Busana Melayu Melaka Warisan Bangsa	Kuantiti: 15
Pengarang : Khalid Mohamad Nor Penerbit : Istana Budaya	Tarian Ceracap Inai	Kuantiti: 3
Pengarang : A. Aziz Deraman Penerbit : Majlis Agama Islam Negeri Kelantan / 2021	Jati Diri Bangsa	Kuantiti: 16
Pengarang : Datin Kalsom Taib Hamidah Abdul Hamid Penerbit : Kalsom Taib Publishing / 2020	Makanan Warisan Malaysia	Kuantiti: 16
Pengarang : Ninot Aziz Penerbit : Silverfish Books Kuala Lumpur	Bentala Naga: A Makyong Tale	Kuantiti: 132
Pengarang : Mohamed Ghouse Nasuruddin Penerbit : Penerbit UPM / 2018	Traditional Anthropological Performance Healing in Malaysia (Hardback)	Kuantiti: 16
<b>JUMLAH</b>		<b>281</b>

SENARAI PEROLEHAN KOLEKSI BAHAN BACAAN TAHUN 2021



# ISU / CABARAN





Perkembangan dan perubahan semasa telah mewujudkan cabaran-cabaran baharu yang perlu ditangani oleh JKKN dalam menilai dan menambah baik pengurusan jabatan serta pelaksanaan program dan aktiviti. Antara isu dan cabaran yang dikenal pasti merangkumi perkara-perkara berikut;

- 01 Pementapan tadbir urus seni budaya
- 02 Pengumpulan data daripada sumber yang sahih secara berpusat
- 03 Mendepani Teknologi Revolusi Industri 4.0
- 04 Keberadaan seni dan budaya dalam arus perdana
- 05 Seni dan budaya sebagai subjek teras utama dalam sistem pendidikan
- 06 Mempelbagaikan sumber dana/peruntukan
- 07 Prasarana seni budaya yang terkini dan kondusif bagi menampung keperluan industri

Daripada keseluruhan isu dan cabaran, terdapat tiga (3) cabaran utama yang telah dikenal pasti meliputi aspek pemahaman terhadap seni dan budaya, kemudahan prasarana dan teknologi iaitu:

**01 PEMAHAMAN TERHADAP SENI DAN BUDAYA**

- Melihat seni dan budaya itu suatu yang sama sedangkan budaya adalah keseluruhan cara hidup manakala seni merupakan salah satu elemen dalam budaya.
- Kesenian dianggap sebagai hiburan semata-mata.
- Seni dan budaya tidak memberikan impak besar dalam pembangunan negara.

**02 KEMUDAHAN PRASARANA**

- Kemudahan infrastruktur perlu seiring dengan keperluan semasa supaya sentiasa relevan.
- Kekurangan kemudahan ruang riadah, pentas, dewan persembahan di bandar dan luar bandar.

**03 TEKNOLOGI**

- Revolusi Perindustrian ke-4/Industri 4.0.
- Perubahan teknologi yang pantas.
- Generasi baharu yang lebih cenderung kepada media baharu.

## PELAN STRATEGIK JKKN 2021-2025

Bagi menangani isu dan cabaran mendatang, JKKN telah menambah baik teras strategik JKKN supaya lebih holistik dan berdasarkan kepada aspirasi kerajaan. Pembinaan Pelan Strategik ini sebagai pemangkin dalam memacu perkembangan dan pembangunan seni budaya negara. Pelaksanaan Pelan Strategik adalah berdasarkan teras-teras berikut:

### ENAM (6) TERAS STRATEGIK JKKN

**TERAS 1**

**MEMPERLUASKAN ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA UNTUK PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

**Hala Tuju:** Agensi Peneraju Asuhan dan Kemahiran Seni Budaya

**TERAS 2**

**MEMPERKASAKAN USAHA-USAHA PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI DAN BUDAYA NEGARA**

**Hala Tuju:** Penyerlahan Seni Budaya Warisan Tidak Ketara

**TERAS 3**

**MEMPERTINGKATKAN KEMAMPUAN PERKHIDMATAN SENI DAN BUDAYA KEPADA KOMUNITI BAGI KESEJAHTERAAN RAKYAT**

**Hala Tuju:** Meningkatkan Kebolehcapaian Masyarakat Kepada Seni Budaya

**TERAS 4**

**MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA UNTUK MENYEMARAKAN INDUSTRI**

**Hala Tuju:** Hab Data Aktiviti Keintelektualan dan Pementapan Pemain Industri Bidang Seni Budaya

**TERAS 5**

**MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN BAGI KECEMERLANGAN SENI BUDAYA**

**Hala Tuju:** Pewujudan Ekosistem Seni Budaya yang Mampan

**TERAS 6**

**MEMANTAPKAN TADBIR URUS KE ARAH ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI**

**Hala Tuju:** Pementapan Tadbir Urus ke Arah Organisasi Berprestasi Tinggi

# Penutup

Pelaksanaan program dan aktiviti JKKN adalah selari dengan fungsi jabatan dalam usaha untuk memulihara, memelihara, menyemarak serta melestarikan kesenian dan kebudayaan selain memperkukuhkan jati diri masyarakat. JKKN juga memastikan perancangan program adalah selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan menyokong industri pelancongan budaya agar dapat membantu menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Tahun 2021 juga masih menjadi suatu cabaran pada jabatan rentetan kesinambungan dunia yang masih lagi berhadapan dengan wabak pandemik COVID-19 yang membataskan pergerakan manusia. Justeru secara tidak langsung, pelaksanaan tugas dan program jabatan masih diteruskan menerusi kaedah hybrid sebagai salah satu medium pilihan terbaik bagi penyampaian maklumat dan aktiviti kepada khalayak. Perubahan cara kerja norma baharu yang menjadi budaya kerja masyarakat kini, telah membantu JKKN dalam menghadapi cabaran dengan mengubah cara kerja yang lebih efisien dan menggunakan teknologi dalam talian secara maksimum.

Melalui hasil usaha dan gabungan kerjasama seluruh warga kerja JKKN, tahun 2021 berjaya diharungi dengan sebaik mungkin. Berteraskan iltizam dan semangat perjuangan yang tidak pernah pudar, JKKN terus mengorak langkah mara ke hadapan bagi memastikan pencapaian jabatan di tahun 2022 akan lebih cemerlang khususnya dalam penyemarakan dan pembangunan seni budaya negara.





# LENSA MEMORI











[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)



**#MYSENIBUDAYA  
MALAYSIA**

**“Semarakkan Seni Budaya Malaysia”**

**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**  
Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34  
Lot 1001, Menara TH Perdana, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur

**ISSN 2682-8995**

